UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT ( KEPUJIAN )

PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK HASHIM BIN SHUIB MENGENAI SEJARAH KUSTA DI PUSAT KAWALAN KUSTA NEGARA ( PKKN) SUNGAI BULOH


SITI NUR ZAHRAH BINTI RAJAB

2016652884

NOORSHAFIERA BINTI RAMLI

2016652852


SEMESTER SEPTEMBER 2017 – JANUARI 2018

**ISI KANDUNGAN**


| *Tajuk* | *Muka Surat* |
|---|---|
| PENGHARGAAN | I |
| PENGENALAN | II |
| ABSTRAK | III |
| SINGAKATAN NAMA | 1 |
| RUJUKAN KATA | 2 – 4 |
| BIODATA TOKOH | 5 |
| BIODATA PENULIS | 6 – 7 |
| KAJIAN LITERATUR | 8 |
| TRANSKRIP TEMUBUAL | 9 – 57 |
| LOG TEMUBUAL | 58 – 61 |
| RALAT | 62 |
| SENARAI SOALAN | 63 – 65 |
| GLOSARI | 66 |
| INDEKS | 67 – 68 |
| DIARI PENYELIDIKAN | 69 – 72 |
| KESIMPULAN | 73 |
| RUJUKAN | 74 |
| LAMPIRAN | 75 – 93 |

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

*Assalamualaikum w.b.t.*

Terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan (Oral History) ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai halangan dan cabaran yang kami hadapi sebelum, semasa dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pensyarah subjek IMR604 – Oral Documentation, Dr. Azree Ahmad dia atas segala nasihat dan tunjuk ajar beliau sepanjang kami menyiapkan tugasan ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Selain itu, setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang tokoh pilihan kami yang kami hormati iaitu Encik Hashim bin Shuib. Beliau memberi kerjasama yang sangat baik kepada kami sepanjang tempoh sesi temubual diadakan.

Akhir sekali, kami inginkan mengucapkan terima kasih yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Transkrip temubual bersama Encik Hashim bin Shuib ini telah dijalankan selama hampir dua jam, dan kami membahagikannya kepada dua sesi. Sesi yang pertama dijalankan pada 13 Oktober 2017, dan sesi kedua pada 10 November 2017. Tujuan utama temubual in dijalankan untuk mengetahui dengan lebih lanjut sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh.

Encik Hashim bin Shuib, atau lebih dikenali dengan panggilan Encik Hashim dilahirkan pada tahun 1958 dan berasal dari Pantai Remis, Perak. Encik Hashim telah berkahwin dengan Zaini bt Abu Taib. Hasil dari perkahwinan itu, mereka telah dikurniakan 4 orang cahaya mata. Beliau mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah di Perak. Dan melanjutkan pelajaran di Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Serdang. Tetapi pendidikan beliau terhenti dan beliau sambung ke bidang lain, iaitu Prostetik (Kaki Palsu) dan ianya juga merupakan kerjaya yang diceburinya sehingga sekarang.

Keperibadiannya yang baik hati, ikhlas dalam bekerja dan sentiasa memberi komitmen dalam sebarang kerja dan bantuan membuatkan beliau disukai dan disayangi oleh orang sekeliling terutamanya di penghuni di PKKN, Sungai Buloh. Setiap apa yang dilakukan oleh beliau turut meninggalkan kesan kepada orang lain. Sehingga kini, Encik Hashim masih lagi bergiat aktif dengan bidang yang diceburinya walaupun beliau akan bersara pada tahun hadapan.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

### Transkrip Temubual Bersama Encik Hashim Mengenai Sejarah Kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh.

**Abstrak** : Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Hashim bin Shuib mengenai sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh. Transkrip temubual ini dijalankan selama hampir 2 jam, dan mempunyai 2 sesi. Ia dijalankan di Pusat Kawalan Kusta Kegara (PKKN), Sungai Buloh iaitu di tempat beliau bekerja unit anggota tiruan. Pada sesi pertama, temubual telah dijalankan pada 13 Oktober 2017 bermula pada jam 11 pagi sehingga jam 1 tengahari. Manakala sesi kedua pula telah dijalankan pada 10 November 2017 pada jam 11 pagi hingga 12.30 tengahari. Encik Hashim adalah seorang Juruteknik Prostetik & Ortotik di PKKN/Hospital Sungai Buloh. Selain itu, Encik Hashim juga adalah seorang yang sangat meminati tentang sejarah kusta. Transkrip ini menceritakan tentang sejarah asal usul penyakit kusta serta rawatan penyakit kusta dan sejarah Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) di Sungai Buloh. Tambahan lagi, transkrip ini turut menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau, pengalaman beliau sepanjang bekerja di PKKN.

**Kata kunci** : Encik Hashim bin Shuib, Juruteknik Prostetik & Ortotik, unit anggota tiruan, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh

# SINGKATAN NAMA

## SINGKATAN NAMA

| SINGKATAN | NAMA PENUH |
|---|---|
| HS | Hashim Shuib |
| SNZ | Siti Nur Zahrah |
| NSR | Noorshafiera Ramli |
| PKKN | Pusat Kawalan Kusta Negara |
| UPM | Universiti Pertanian Malaysia |
| KL | Kuala Lumpur |
| MDT | Multiple Drug Therapy |
| TB | Tuberkulosis |
| Polio | Poliomyelitis |

# RUJUKAN KATA

## RUJUKAN KATA

| PERKATAAN | MAKSUD |
|---|---|
| Ade | Ada |
| Ambik | Ambil |
| Bila | Apabila |
| Dah | Sudah |
| Dr | Doktor |
| Dorang | Mereka |
| Duk | Duduk |
| Dulu | Dahulu |
| Gitu | Begitu |
| Jap | Sebentar |
| Je | Sahaja |
| Kat | Dekat |
| Kejap | Sebentar |
| Keje | Kerja |
| Korang | Kalian |
| Lepas | Selepas |
| Lepastu | Selepas itu |
| Nak | Mahu |
| Ni | Ini |
| Pasaipa | Sebab apa |
| Pasal | Sebab |
| Pi | Pergi |
| Sapa | Siapa |
| Sorang | Seorang |
| Tak | Tidak |
| Tak nak | Tidak mahu |
| Takde | Tiada |
| Takpe | Tidak mengapa |
| Tu | Itu |

| PERKATAAN | MAKSUD |
|---|---|
| *Actually* | Sebenarnya |
| *Architecture* | Seni bina |
| *Baby home* | Bilik bayi |
| *Background* | Latar belakang |
| *Band* | Kumpulan |
| *Best* | Seronok |
| *Cannabis* | Daun ganja |
| *Claw hand* | Tangan yang mencekam |
| *Clear* | Jelas |
| *Clubbing* | Kelab malam |
| *Coat* | Kot |
| *Combine* | Gabungan |
| *Details* | Butiran |
| *Effect* | Kesan |
| *Expose* | Mendedahkan |
| *Family* | Keluarga |
| *First* | Pertama |
| *Form one* | Tingkatan satu |
| *Info* | Maklumat |
| *Injection* | Suntikan |
| *Labour room* | Bilik bersalin |
| *List* | Senarai |
| *Mechanism* | Mekanisma |
| *Mercury* | Merkuri |
| *Night club* | Kelab malam |
| *Not bad* | Boleh tahan |
| *Nurse* | Jururawat |
| *Okay* | Baiklah |
| *Operation* | Pembedahan |

| | |
|---|---|
| *Pass* | Lulus |
| *Photoshoot* | Penggambaran |
| *Preacher* | Pendakwah |
| *Preaching* | Berdakwah |
| *Prosthetic orthotic* | Bidang kaki palsu |
| *Public* | Orang luar |
| *Qualified* | Berkelayakan |
| *Resistant* | Tahan |
| *Result* | Keputusan |
| *Scout* | Pengakap |
| *Search* | Carian |
| *Singer* | Penyanyi |
| *Sorry* | Maaf |
| *Special* | Istimewa |
| *Specialized* | Pakar |
| *Spell* | Ejaan |
| *Sport day* | Hari sukan |
| *Staff* | Kakitangan |
| *Standard six* | Darjah enam |
| *Stress* | Tekanan |
| *Supply* | Berikan |
| *Tendon transfer* | Pemindahan tendon |
| *Then* | Kemudian |
| *Transplant* | Pemindahan |
| *Website* | Laman web |
| *Wheelchair* | Kerusi roda |

# BIODATA TOKOH

## BIODATA TOKOH



| Nama | Hashim bin Shuib |
|---|---|
| Nama Gelaran | Hashim |
| Tahun Dilahirkan | 1958 |
| Asal | Pantai Remis, Perak |
| Pekerjaan | Juruteknik Prostetik & Ortotik |
| Tempat Bekerja | Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh |
| Status | Berkahwin |
| Nama Isteri | Zaini bt Abu Taib |
| Bilangan Anak | 4 orang |
| No Telefon | |

# BIODATA PENULIS

## BIODATA PENULIS



| | |
|---|---|
| Nama | Siti Nur Zahrah bt Rajab |
| Umur | 22 Tahun |
| Tarikh Lahir | 13 Mac 1995 |
| Tempat lahir | Hospital Alor Setar, Kedah |
| Tempat Tinggal | Selayang, Selangor |
| Pekerjaan | Pelajar |
| Status | Bujang |
| Email | |
| No Telefon | |
| Fakulti | Fakulti Pengurusan Maklumat |



| | |
|---|---|
| Nama | Noorshafiera bt Ramli |
| Umur | 22 Tahun |
| Tarikh Lahir | 20 September 1995 |
| Tempat lahir | Hospital Alor Setar, Kedah |
| Tempat Tinggal | Sungai Buloh, Selangor |
| Pekerjaan | Pelajar |
| Status | Bujang |
| Email | |
| No Telefon | |
| Fakulti | Fakulti Pengurusan Maklumat |

# KAJIAN LITERATUR

## KAJIAN LITERATUR

Antara kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai tokoh yang kami pilih ialah dengan menggunakan :

1. Kaedah temubual bersama tokoh.
2. Melayari internet untuk mengetahui serba sedikit mengenai sejarah kusta dan tokoh kami.

Bagi memperkemaskan dan melaksanakan lagi sesi temubual kami, kami menggunakan telefon pintar untuk merekod apa yang di perkatakan oleh tokoh kami sepanjang temubual kami bersama beliau supaya setiap maklumat tidak tertinggal dan dapat ditanskripkan dengan sempurna.

# TRANSKRIP TEMUBUAL

## TRANSKRIP TEMUBUAL

## TEMUBUAL PERTAMA

***Berikut merupakan rakaman temubual sejarah lisan mengenai sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh. Temubual pertama yang telah dijalankan oleh kami, Siti Nur Zahrah bt Rajab dan Noorshafiera bt Ramli bersama Encik Hashim bin Shuib tentang sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh. Temubual pertama ini adalah temubual dimana kami berjumpa Encik Hashim untuk sesi perkenalan dan beliau turut menceritakan serba sedikit tentang penyakit kusta. Temubual pertama ini dijalankan di Pusat Kawalan Kusta Kegara (PKKN), Sungai Buloh iaitu di tempat beliau bekerja di unit anggota tiruan. Rakaman ini dikendalikan pada 13 haribulan Oktober 2017, (13 Okt 2017) jam sebelas pagi.***

*Rakaman Pertama*

HS : Asal usul dia, buah kusta, penyakit kusta dah tahu kan. Sejak 4000 tahun dulu [dahulu]. Dia punca dari kuman lah.

SNZ : Cirit birit.

HS : Dulu [dahulu] orang kata punca buatan orang lah apa nya macam kan. Lepastu [selepas itu] doktor sahkan ada kuman. Nama dia Mycobacterium Leprae. Mycobacterium Leprae tu [itu] kuman bakteria lah, bakteria kusta. Lepastu [selepas itu] bakteria ni [ini] kuman ni [ini] memang susah nak [mahu] matikan dia, macam-macam antibiotik dia cuba. Sampai sekarang pun satu jenis antibiotik tak [tidak] boleh matikan dia, dia kena *combine* [gabung] dengan tiga. Tiga dipanggil MD- MDT. Multiple Drug Therapy tu [itu] tiga jenis. Baru boleh matikan dia. Tapi nanti kalau badan dia lemah benda tu [itu], kuman kusta tu [itu] masuk balik. Kuman kusta ni [ini] banyak. Mana-mana ada.

**SNZ : Dia memang boleh berjangkit senang je [sahaja] ke dengan orang?**

HS : Dia senang berjangkit pada orang yang- orang yang- orang yang lemah lah

SNZ : Antibodi tak [tidak] kuat

HS : Takda [tiada] pertahan diri. Dia dalam 5% lah. Bukan semua orang dia boleh berjangkit, dalam 5%. 5% tu [itu] dia ada lemah aa- antibodi untuk kusta dia lemah jadi dia boleh dijangkit. Macam saya dah [sudah] lama sini tak [tidak] kena apa-apa. Berpuluh-puluh tahun lebih tak [tidak] kena. *Nurse-nurse* [jururawat-jururawat], doktor-doktor pun tak [tidak] kena. (Batuk) Sapa [siapa] yang lemah, ada juga yang kena. Sorang dua la. (Batuk) Dia bila kena dia serang saraf. Saraf badan. Sebab tu [itu] dia macam lumpuh tak [tidak] rasa lah tak [tidak] rasa, kebas.

SNZ : Lumpuh tu [itu], urat-urat.

HS : Macam dia tak [tidak] rasa. Kita ambik [ambil] pisau kita cucuk dia ke, kueh dia ke berdarah pun dia tak [tidak] rasa. Ada yang *staff* [kakitangan] saya tu [itu] dia kerja dengan saya dulu [dahulu] kusta, dia kena dia kena pisau dia kena pisau darah menitik-nitik semua dia buat kerja, buat relaks je [sahaja] (bunyi telefon) saya kata pergi kecemasan cepat, jumpa Dr Hansen. Tak [tidak] sakit dia cakap, macam mana darah keluar semua menitik-nitik. Pasal [sebab] apa, sebab saraf dia dah mati. Bila saraf dah [sudah] rosak, kan, dia *effect* [kesan] pada mata dia, mata boleh jadi rabun buta lepastu dia- dia senang dapat luka-luka dorang [mereka] banyak kaki dorang [mereka] luka-luka kan. Dia senang dapat luka. Lepastu [selepas itu] cacat, cacat telinga cacat telinga dorang cacat tangan, tangan dia orang sini. Sebab saraf. Nak [hendak] luruskan ni [ini], kena bius sini dia ada rendam dalam wax, dalam lilin fisio wax bagi saraf dia lembut lah. Lepastu [Selepas itu] kalau tak [tidak] boleh juga, doktor sini bedah, dia potong urat ni [ini], dia tarik ke bawah, ke bawah nie, pusing ke atas lepas tu [itu] urat ni [ini] pusing ke atas dia boleh lurus balik. Nanti galeri kita pergi galeri, datang sekali lagi kita pi [pergi] galeri. Kita pergi galeri, galeri tu [itu] ada gambar tangan yang doktor buat *operation* [pembedahan] daripada macam ni [ini] boleh lurus. Macam-macam lah.

**NSR : Yang kami pergi tadi tu [itu] lah eh [ya]?**

HS : Galeri tempat yang pergi tadi tu [itu].

NSR : Haa--

SNZ : Kat [dekat] dewan tu [itu]

HS : Ha dewan tu [itu] ada empat galeri, galeri kusta. Kalau nak [mahu] pergi saya kena jumpa *sister* [kakak] minta kunci. Minta kunci, bagi kunci saya sendiri buka. Sebab takde [tiada] orang jaga. Sebab hospital nak taruk orang jaga nak kena bayar gaji takde [tiada] peruntukkan. Dia tutup, ha kat [dekat] situ semua gambar-gambar lama, patung, macam-macam benda lah artifak-artifak lepastu [selepas itu] buku-buku *reference* [rujukan] kan, buku rujukan. Tadi apa tadi, asal usul penyakit kusta kan?

SNZ & NSR : Mmm--

HS : Asal usul dia sebabkan oleh kuman, Mycobacterium leprae tu [itu], kan, lepastu [selepas itu] asal usul ubat dia. *Okay* [Baiklah]. Asal ubat dia, zaman dulu memang takde [tiada] ubat. Siapa yang kena kusta ni [ini] sepanjang hayat lah dia, dia lambat mati, dia makan- makan- makan- makan hidung makan mata makan kaki, ha kotor makan apa semua, sampai umur 90 baru mati. Lambat mati, tu [itu] dekat wad tu [itu] banyak yang tua-tua lambat mati. Sebab dia makan sikit-sikit. Jadi zaman dulu [dahulu] takde [tiada] ubat macam tu [itu] lah. Bila dia dekat dengan orang, orang lari sebab busuk. Badan dia berulat. Lepas [selepas] dia balut, dulu zaman dulu mana ada ubat luka kan, dalam tu [itu] berulat. Dia dekat dengan orang, orang lari. Sebab tu [itu] orang yang kena kusta dia lari ke tempat asing daripada orang. Orang pun taknak [tidak mahu] dekat dengan dia, dia pun taknak [tidak mahu] dekat dengan orang. Macam saya lah, contoh nya kan kalau saya, kaki saya dah [sudah] berulat, saya taknak [tidak mahu] duduk dekat dengan korang. Saya segan lah, malu lah kan. Kadang kita hidung berbau pun kita taknak [tidak mahu] duk [duduk] dekat dengan orang. Kita segan lah kan. Macam tu [itu] lah dorang, dorang lari- lari- lari, ada yang

duduk kat [dekat] pulau, ada duduk dalam hutan ada dorang mati dalam hutan ke, mati kat [dekat], kan dulu Nabi Ayob dulu dia lari ke bukit kan. Bini dia hantar makanan kat [dekat] dia. Sebab dia- dia tak nak [tidak mahu] orang dekat dengan dia sebab berbau. Dia kena penyakit kulit satu badan. Penyakit kulit tu [itu] kalau dalam bahasa sanskrit dia panggil kusta. Kusta juga, apa-apa penyakit kulit pun kusta. Tapi kat [dekat] Malaysia ni [ini], kusta penyakit kusta ni [ini] sahaja. Penyakit kulit lain dia tak [tidak] panggil kusta. Kusta ni [ini] bukan spesifik untuk kusta saja. Kalau di India lah. Kusta penyakit yang macam-macam kusta dia panggil kusta juga. *Okay* [Baiklah]. Bila dorang lari- lari- lari dalam hutan kan, ada yang sembuh balik lah, kan. Lari dekat gunung, bukit-bukit. Nabi Isa, Nabi Ayob. Alamak. Dia dah [sudah] sembuh, dia balik. Kan, *Okay* [Baiklah] ha. Ada yang mati terus ha. Dorang [mereka] kerja berniaga orang tak nak [tidak mahu] beli, kan. Tengok hidung dah [sudah] macam tu [itu], mata dah [sudah] berair, keluar air mata, siapa nak [mahu] beli dia jual kuih. Kan. Jadi berniaga tak [tidak] boleh. Lepastu [Selepas itu] kerajaan keluarkan Akta Kusta dorang ni [ini] tak [tidak] boleh berniaga, tak [tidak] boleh berkerja dengan orang. Tak [tidak] boleh apa je [sahaja] tak [tidak] boleh. Lepastu [Selepas itu] bila dorang [mereka] datang sini, kerajaan bantu semua, semua bagi stoking bagi, kasut bagi ha- semua bagi, baju rumah semua bagi. Duit poket pun bagi ha semua bagi. Berapa peruntukkan dulu, satu tahun empat juta untuk dorang [mereka]. Sekarang dorang [mereka] dah [sudah] mati dah [sudah]. Kurang dah [sudah] peruntukkan tu [itu]. *Okay* [Baiklah] jadi asal usul penyakit kan, asal usul penyakit dia diseluruh dunia lah di barat timur tengah India, Cina, Malaysia, semua lah. Asal usul, tapi [tetapi] paling banyak di India, Cina. Paling banyak penyakit ni [ini] India dengan Cina. Di Malaysia ada tak [tidak] kusta? Zaman dulu [dahulu] sangat sikit, boleh kata takde [tiada] kusta, asal kusta Malaysia ni [ini] sebab British bawa masuk India dengan Cina. Dorang [mereka] ni [ini] diambil di tempat yang, tempat yang macam setinggan lah. Di India tu [itu] tempat yang kampung-kampung, banyak orang takde [tiada] kerja kan, jadi dia ambil orang takde [tiada] kerja tu [itu] datang sini kerja, kerja estet, estet getah ha. Cina dia ambil kerja di lombong. Kan. Jadi dia pergi ambil tu [itu], di tempat yang orang yang miskin,

tempat orang miskin, orang tak nak [tidak mahu] kerja di tempat tu [itu] lah kuman kusta banyak. Kalau tempat tu [itu] bersih macam KL, takde [tiada], kuman kusta takde [tiada], ha dia suka tempat kotor-kotor, tempat orang miskin, tempat kotor-kotor tempat air, air tak [tidak] elok semua, bekalan air semua disitu banyak kuman kusta. Bila dia bawa pekerja-pekerja tu [itu] datang, pekerja-pekerja tu [itu] dah [sudah] dijangkiti oleh kuman kusta. Bila sampai disini dorang [mereka] ada yang boleh kerja lombong, ada yang tak [tidak] boleh nak [mahu] masuk hospital, jadi kat [dekat] mana nak [mahu] masuk. Masa tu [itu] dia- dia ada tempat nya di Tampoi, di pulau. Pulau Pangkor, Pulau Ketam, di Pulau Jerejak, pulau-pulau lah letak dorang [mereka]. Tapi [tetapi] tahun 26 [1926], PKKN buka, dia tarik semua datang kat [dekat] PKKN. Dia tutup di Pulau Jerejak. Semua dia tutup. Dia tarik ke PKKN. Semua Jepun ke sini, pada tahun 60 [1960], pada tahun 69 [1969] jumlah paling tertinggi disini seramai 2885, dua ribu lapan ratus lapan puluh lima pesakit. Dekat 3000 lah paling banyak. Hampir-hampir 3000 kalau campur dengan *staff* [kakitangan] 3000 lebih. Dalam ni [ini].

**SNZ : *Staff* [kakitangan] pun sakit juga terkena juga?**

HS : *Staff* [kakitangan] yang yelah ada kuarters banyak dulu dalam ni [ini], *staff* [kakitangan] semua duduk dalam ni. Macam saya, saya duduk luar, dulu saya duduk sini, dulu *staff* [kakitangan] sini semua duduk sini. Kuarters banyak. Kuarters tu [itu] diroboh untuk buat hospital baru. Tu [Itu] tapak, tapak kuarters lah hospital baru tu [itu]. Jadi campur *staff* [kakitangan] mungkin 3000 lebih lah yang komuniti dalam ni [ini] lah 3000 lebih dulu [dahulu]. *Okay* [Baiklah] bila, ha tadi apa? Penyakit kusta. Penyakit kusta di Malaysia dibawa oleh pendatang asing. Daripada dulu [dahulu] sampai sekarang lah. Sekarang pun banyak kes kusta baru dibawa oleh Bangla, India, Cina, orang luar lah. Orang Rohingya itu pun bawa kusta juga, orang Afrika, Afrika pun banyak kusta. [Bunyi Telefon] *Okay* [Baiklah], saya- saya bagitahu sebelum British datang Malaysia, penyakit kusta sangat-sangat sikit, macam takde [tiada] lah, kalau ada pun dalam 1000 dalam sejuta ke mungkin satu je [sahaja], 1000 satu ke, sangat sikit lah. Lepastu [Selepas itu] bila dah [sudah] orang putih bawa masuk pendatang asing ni [ini],

dia jadi banyak ha. Sampai 3000 dekat hampir 3000. Jadi, aa-- ubat kusta pula. O*kay* [Baiklah]. Ubat yang pertama kusta ialah biji ni [ini], yang makan tadi tu [itu]. Hynopcarpus seed- seed- seed tu [itu] biji benih ha. Hynopcarpus seed. Hynocarpus tahu eja eh? H.y.n.o.p.c.a.r.p.u.s. Kalau ada kertas ni [ini] saya tulis-tulis ni [ini]. Ikut ah, takpe [tidak mengapa] lah hyno- hynocarpus seed. Jadi, asal dia ubat ni [ini] popular yang popularkan ubat ni [ini] asal nya di India lah. Sebab pokok ni [ini] pun tumbuh banyak di India dan di Burma. Burma, India, Thailand, Vietnam, sebelah indo belah atas lah Indocina sampai selatan cina. Selatan cina pun banyak buah ni [ini]. Ha pokok dia, tu [itu] pokok dia. Pokok dia yang besar tu [itu], pokok dia lah. Sekarang takde [tiada] buah kot. Kalau ada buah, buah dia jatuh banyak. Pokok kusta ni [ini] di sini je [sahaja] ada dalam Malaysia. Sebab doktor dulu tanam. Sebab zaman tu [itu] takde [tiada] ubat lagi, jadi dia kena, ubat ni [ini] ubat tradisional ni [ini]. Macam saya pagi-pagi kena makan biji itu. Gitu [Begitu] lah. Datang pagi-pagi, *okay* [baiklah] makan. Ada nanti ada gambar dorang [mereka] makan tau. Tanam biji. Nanti ha, kemudian nanti saya boleh bagi. Jadi dorang [mereka] baris lah berbaris. biji ini ditumbuk a-, dia tumbuk--dia tumbuk semua campur dengan ganja, daun ganja tu [itu] campurkan sekali bila dah tu [itu] dia taruk dalam besin. *Okay* [Baiklah] berbaris, *okay* [baiklah] datang *okay* [baiklah] masukkan dalam kertas. Kertas bagi. Dia pergi kat [dekat] mana-mana, dia letak air. Ramai yang baik.

**SNZ : Itu cara makan dulu lah?**

HS : Mmm--

SNZ : Cara dorang [mereka] makan dulu

HS : Ha ada gambar dia, ada cerita lah, cara makan buah kusta. Bukan macam saya makan. Dia-- dia tumbuk biji ni [ini], campur daun ganja lepastu [selepas itu] ada ubat cina herba cina sikit aa- dia buh [letak]. Memang baik. Tapi [Tetapi] yelah ubat tradisional. Doktor-doktor semua tak [tidak] percaya. Jadi doktor buat ubat baru yang sekarang ubat moden tu [itu], dapsone nama dia dapsone. Lepas [Selepas] dapsone tu [itu] dia buat MDT, MDT tu [itu] dia anti-- anti---antibiotik

yang lain lah tapi dia tiga jenis lah dia campur. Antibiotik ni [ini] dia banyak, banyak sebab kuman banyak jenis. Dia kuman ni [ini] antibiotik ni [ini], kuman ni [ini] antibiotik ni [ini]. Jadi antibiotik lain tak [tidak] boleh untuk dia. Dia tak nak [tidak mahu] mati. Jadi kalau macam ni [ini] kan dia 3 jenis lah. Senang saya tunjuk macam ni [ini] lah, senang ingat. Mula-mula ha *okay* [baiklah], dia cipta dapsone, D.A.P.S.O.N.E. Dapsone ni [ini], yang ni [ini]. Dapsone. Dapsone ni [ini] ramai orang sembuh. *Okay* [Baiklah]. Banyakkan orang makan dapsone ni [ini] sembuh kusta, 90% sembuh. *Okay* [Baiklah]. Lepastu [Selepas itu] timbul kes kuman ni [ini] dia kebal pada dapsone. Dia *resistant* [tahan] lah, *resistant* [tahan] pada dapsone. Kuman ni [ini] bila kita bagi- bagi ubat tu [itu], dia-- dia ada *mechanism* [mekanisma] dia boleh tahan dengan ubat tu [itu], dia kebal. Kalau tak [tidak] percaya kan nyamuk kan kita jangan guna satu jenis, kalau Fumakilla tu [itu] lepas [selepas] seminggu nyamuk tu [itu], nyamuk tu [itu] takmo [tidak mahu] mati. Dia sebab dah [sudah] biasa. Kena tukar jenis Shieldtoc pula, ha-- tukar jenis lain pula. Nyamuk pun dia boleh kebal. Kebal lah kebal. Bila dia dah [sudah] kebal, kan. Dia dah [sudah] kebal kita bagi pun penyakit kusta pun takkan [tidak akan] baik sebab kuman tu [itu] dah [sudah] kebal. Jadi dia buat macam mana? Dia cipta 3 jenis lagi antibiotik ada nama dia aa—nanti, nanti kalau cari *search* [carian] boleh dapat nama-nama ni [ini]. Satu, dua, tiga. [sambil tunjuk contoh] Dia MDT, Multiple Drug Therapy MDT. MDT ni [ini] kena makan dia lapan tahun. Hari-hari makan ubat lah sampai lapan tahun, InshaAllah sembuh ha. Tapi [Tetapi] ada sorang [seorang] tu [itu] saya jumpa saya tanya dia apa pasal [sebab] aa-- kena balik kusta. Dia kata saya makan tujuh tahun je [sahaja], doktor suruh kata lapan tahun, sampai tujuh tahun saya dah [sudah] tak [tidak] makan dah [sudah] ubat ni [ini] saya kena balik. Ha sebab tu [itu] tak [tidak] ikut arahan doktor. Doktor kata lapan tahun, lapan tahun. Jangan makan tujuh tahun sahaja, dia tak [tidak] larat lah hari-hari makan, makan ubat tu [itu] badan panas. Baju tak [tidak] boleh pakai, kena buka baju. Antibiotik badan panas. Badan rasa panas tak [tidak] selesa. Lepastu [Selepas itu] dorang [mereka] cina, cina yang kerja buat bunga jual bunga semua kebanyakkan tak [tidak] pakai baju. Sebab dorang [mereka] makan ubat panas. *Okay* [Baiklah],

sekarang ni [ini], status sekarang kan kat [dekat] Malaysia ke kat luar negeri semua MDT. Sebab apa MDT, sebab takde [tiada] vaksin untuk kusta. Dia-- dia sepatutnya apa-apa penyakit yang daripada bakteria ke virus ke dorang [mereka] cipta vaksin. Vaksin tu [itu] bila ada vaksin semua orang tak [tidak] kena kusta. Contoh nya macam dulu TB kan. TB orang banyak kena TB kan sekarang dah [sudah] ada vaksin. Kan. Jadi selamat, orang tak kena kusta pula. Mana ada saya kena, saya kena TB. Ha tuh, nampak. Ada tak? *Maybe* [mungkin] lah. Cucuk. Semua ada-ada tanda, nampak? Semua ada tanda kan. Ni apa dia tanda nya? Vaksin. Dia ada vaksin Polio, TB. Polio disebab kan oleh bakteria. Dia cipta vaksin. Ha TB, lagi, Polio, TB lagi penyakit apa yang ada vaksin? Selsema pun ada vaksin kan? Selsema ada vaksin tak [tidak]?

**NSR : H1N1?**

HS : Ada yang ada vaksin kan? Ada banyak bakteria yang disebabkan bakteria dah [sudah] ada vaksin dia. Aa- vaksin ni [ini] macam antibodi lah macam orang kena patuk ular lah, dia bagi vaksin. Jadi kusta sampai sekarang takde [tiada] vaksin, patut kena bagi Multiple Drug Therapy. *Okay* [Baiklah] balik pada--- kita balik pada, macam mana boleh buah tu [itu] biji tu [itu] Hynocarpus tu [itu] digunakan untuk ubat kusta. Siapa yang mula-mula, siapa yang mula mula gunakan buah ini untuk ubat kusta. Mengikut cerita orang dulu-dulu [dahulu-dahulu], ni [ini] cerita dulu-dulu [dahulu-dahulu] ni [ini] macam hikayat lah macam tu aa-, kan cerita 2000 tahun dulu [dahulu] ada lah dalam dia punya hikayat orang dulu-dulu [dahulu-dahulu] aa-. Bukan di Malaysia lah, di Burma, cerita ni [ini] di Burma. Jadi ada sorang [seorang] raja, raja ni [ini] ada *family* [keluarga] lah ada anak isteri semua, dia kena kusta. Okay. Bila dia kena kusta pada masa tu [itu] langsung takde [tiada] ubat kusta. Jadi dia nak [mahu] tunggu mati ke ataupun dia nak [mahu] berubat sendiri. Dia kena ubat sendiri lah sebab takde [tiada] ubat. Malam tu [itu] dia mimpi. *Okay* [Baiklah], ini betul saya cerita betul. Tapi cerita ni [ini] betul tak [tidak] betul saya tak [tidak] tahu. Tapi [Tetapi] saya cerita sebab saya baca kan, saya baca--- baca jumpa cerita ni [ini] betul tak [tidak] betul tak [tidak] tahu lah. Sebab ada orang kata cerita ni [ini] macam

hikayat, hikayat kita, hikayat pak kadok, hikayat Merong Mahawangsa, hikayat-hikayat macam kita punya hikayat lah, ada orang percaya ada orang tak [tidak] percaya kan. Tapi [Tetapi] memang cerita ni [ini] memang ada. Jadi malam tu [itu] dia mimpi, dia kata tuanku kena masuk dalam hutan, masuk dalam hutan tuanku cari buah dia. Ha-- ada gambar dia. Ada gambar nya *then* [kemudian] ada tengok tak [tidak] dalam saya punya facebook. Ada tengok? Buah kusta. Tak [tidak] pernah tengok? [bunyi telefon] cari buah ni [ini] dia kata. Dalam mimpi tu [itu] dia bagi nampak. Jap [Sebentar] ya. Buah dia. Saya pun rabun siang ni [ini]. Rabun siang ni [ini], rabun siang dah [sudah] pakai cermin. Nampak- nampak tapi [tetapi] *details* [butiran] nya tak [tidak] nampak. Ha-- wu-- banyak gambar kusta. Geram korang [kalian] tengok kan? Kan? Gambar kusta nampak? Tu [itu] Wu-- Cantik-cantik, kan. Nanti bagi. Cantik gambar kusta. Tu [Itu] banyak lagi gambar kusta. [Gelak] Wu-- antik-antik kan. *Okay* [Baiklah] pokok tu [itu] ha. Jap eh [Sebentar ya]. Buah dia. Haa-- ini dia. Tuanku masuk dalam hutan tuanku cari buah macam ni [ini]. Ha--. Besar, besar ni [ini]. Dan tuanku makan satu biji tu [itu] habis. Banyak tengok buah dia kat [dekat] atas tu [itu] . Lebat kalau dia berbuah lebat buahnya.

**SNZ : Dia besar mana buah tu [itu]?**

HS : Besar ni [ini]. Besar ni [ini] besar , besar bola apa. Besar. Kan ada sukan sea dorang [mereka] bola besi tu [itu]. Ada kan? Bola besar tu [itu] lah. *Okay* [Baiklah], tuanku cari buah ni [ini], tuanku makan buah tu [itu] sehari sebiji, sehari sebiji. Makan hari-hari sehari sebiji makan semua. Bila [Apabila] tuanku dah [sudah] baik, baru tuanku balik. Jadi pagi tu [itu] dia siap-siapkan barang-barang dia makanan apa semua, dia pun masuk lah hutan. Seorang diri dia, bekalan makanan selimut semua ada lah kat [dekat] dia semua. Jadi dia bagi tahu kat [dekat] anak bini dia, dia dapat mimpi suruh masuk dalam hutan. Nanti kalau ayahanda dah [sudah] sembuh, *okay* [Baiklah], ayahanda dah [sudah] sembuh nanti ayahanda akan balik lah, bagi tahu anak bini dia. Lepastu [Selepas itu] dia masuk hutan ni [ini], kalau Burma sultan masuk pakai gajah lah. Dia pun naik gajah dia masuk dalam hutan. Kalau ayahanda tak [tidak] balik tu [itu], ayahanda

dah [sudah] mampus dalam hutan lah. Kan. Mangkat lah kan. Mangkat dalam hutan. Kalau balik tu [itu] sembuh lah, kalau ayahanda balik, ayahanda sembuh. Orang kena kusta ni [ini] tak [tidak] boleh tahan wo, sakit. Saya, ada kat [dekat] rumah saya tu [itu] ada sorang [seorang] dia kena kusta. Pakai *wheelchair* [kerusi roda], duduk atas *wheelchair* [kerusi roda] satu badan semua sakit. Dia jumpa doktor pun dia pakai tongkat. Bukan main-main kusta, sakit sampai tak [tidak] boleh tahan, satu badan semua sakit. Sebab dia makan saraf. Jadi sultan ni [ini] pun raja ni [ini] pun sakit, jadi dia masuk hutan, masuk hutan dengan gajah nya. Sampai dalam hutan dia jumpa pokok ni [ini]. Dia tengok buah dia sama macam dalam mimpi tu [itu], buah ni [ini] dia masak dia jatuh. Masa dia jatuh tu [itu], ha masa tu [itu] sedap. Saya makan isi dia. Bukan biji, isi dia pun saya dah makan. Isi dia rasa nya macam ubi kayu. Ubi kayu rebus tu [itu], ha itulah isi dia. Sedap. Macam ubi kayu rebus. Saya biasa makan. Nanti kalau jalan-jalan kat [dekat] pokok dia ada jumpa buah dia ambik [ambil], makan isi dia. Sedap. Orang lain tak [tidak] berani makan, dalam Malaysia, saya sorang [seorang]. Orang kata ehh-- jangan makan, ini racun yang makan saya. Sebab raja dulu makan, pasaipa [sebab apa] saya takut pula nak [mahu] makan. Kan. Sebab yakin sebab tu [itu] sampai sekarang tak [tidak] mati, elok.

SNZ & NSR : (Gelak)

HS : Saya yakin sebab cerita tu [itu] betul raja dulu makan hari-hari makan buah tu [itu]. Sehari biji, sehari biji. 6 bulan raja tu [itu] balik, 6 bulan raja tu [itu] balik sihat. Habis penyakit kusta. Sejak tu [itu] orang tanam pokok ni [ini]. Di sana lah, Malaysia disini je [sahaja] ada, kan. Orang tanam, orang tanam ambik [ambil] buah dia dan dipasarkan. Malaysia import dari Burma buah ni [ini]. Berguni-guni import dari kapal. Kapal dari Burma datang hantar kat [dekat] PKKN buah ni [ini] yang tadi. Lepastu doktor sini ambik [ambil] biji dia tanam. Ada dulu ada 5 6 pokok ada lah dalam ni [ini]. Dulu [Dahulu] banyak lepastu [selepas itu] tebang-tebang semua, ada tinggal 5 6 pokok lagi. Pokok ni [ini] pokok sejarah ni [ini] sebab mula-mula ubat kusta pokok ni [ini] lah, buah dia. *Okay* [Baiklah]. Lagi-lagi nak [mahu] tahu cerita tentang apa? ***Actually*** [Sebenarnya] panjang cerita ni [ini],

sebab apa panjang, sebab dari tahun 26 [1926]. Kan. Saya tunjuk gambar, kalau saya cerita korang tak [tidak] percaya. Siapa yang pengarah sini yang pertama? Doktor?

**NSR : Pengarah apa?**

HS : Alexander Gordon Ryrie- Ryrie. Alexander Gordon Ryrie. *Okay* [Baiklah]. Kejap eh [Sebentar ya]. Alexander Gordon Ryrie ni [ini] bila [apabila] buka 26 dia mula jadi boss sini.

SNZ : Ada tengok dekat *website* [laman web] tu [itu] dia ada *list* [senarai] kan dari tahun 1926 sampai sekarang siapa pengarah dia.

HS : Ni dia, ni [ini]-- ni [ini]—ni [ini] dalam ni [ini] ada dia. Nanti saya tengok (sambil tengok gambar dalam telefon) Dalam ni [ini] ada dia. Yang depan sekali itu dia. Wo-- gambar antik. Antik betul.

SNZ : Dorang ni [ini] semua pesakit kusta lah ya?

HS : Yelah.

SNZ : Oh

HS : Gambar lama, cantik gambar aa--.

NSR : Aah

HS : Orang putih dulu [dahulu] guna kamera dia, kamera dia orang putih memang cantik-cantik walaupun gambar lama. Tengok, ni [ini] tahun 30 [1930]

SNZ : Cantik.

HS : Sekolah kusta.

NSR : Cantik nya.

HS Gambar cantik, tahun 30 [1930]. Sekolah Kusta, sebab kamera dorang dulu canggih-canggih. Ha ni sekolah harapan, *result* [keputusan] dia. Sekolah Kusta. *Result* [keputusan] sekolah. Nampak?

NSR : Sungei [Sungai] buloh

HS : Ha—sungei [sungai]

NSR : Sungei [Sungai]-- buloh.

HS : Sungei [Sungai] buloh. Ha tengok lawa-lawa orang melayu, bukan semua cina, orang kusta, orang melayu.

SNZ : Cantik

HS : Tengok, gambar cantik-cantik

SNZ & NSR : [Gelak]

HS : Gambar lama, kebaya tapi [tetapi] cantik-cantik. Haa-- tengok. Kalau kira bini dia, berapa bini dia ya.

**SNZ : Ha bini dia ke semua tu?**

HS : Sepuluh bini dia

NSR : Ha?

HS : Takde [Tiada] lah, kalau ikut bini dia sepuluh bini dia. Sebab dia sorang lelaki.

SNZ : Ingkatkan bini dia semua tu [itu].

HS : Lain semua perempuan kan? Ha tengok, pesta pakaian seragam.

SNZ : Tudia.

HS : Gambar cantik walaupun lama.

SNZ : Siap ada pesta-pesta lagi.

**NSR : Itu pesakit nya ke apa?**

HS : Ha pesakit lah. Ni [Ini] dorang main buleot dalam ni [ini] main snooker dalam ni [ini].

**SNZ : Kat [Dekat] sini?**

HS : Ha dalam sana yang pergi tadi.

NSR : Oh yang ada-ada.

HS : Sini dulu kawasan ni [ini], wad-wad ni [ini] semua aa- untuk rawatan ni [ini] ja, ha ni [ini] ha dia pakai kaki palsu. Dia ni [ini] yang gambar dalam wad tadi. nampak? nampak?

NSR : Nampak.

HS : Yang dalam wad tadi, yang gambar yang cina duk [duduk] dalam wad. Ha ni [ini] ha, ni [ini] saya ambik [ambil] dekat rumah dia ha ni [ini] doktor tu [itu] ini pengarah yang kedua. Ketiga, ha—ha-- kedua. Dia kahwin dengan Cina. Daripada India. Pengarah ni [ini].

SNZ : Pakai sari

HS : Dr Reddy. Dr Reddy, pernah dengar nama Reddy. Kalau kat [dekat] KL ada klinik Reddy kan.

SNZ : Haa.

HS : Ha dia lah.

**SNZ : Dia punya?**

HS : Ha dia punya lah.

**NSR : Macam mana *spell* [eja] nya?**

HS : Dia mati di England lah.

SNZ : Mati di England

HS : Baru lagi mati dekat England. Dia kahwin dengan amoi cina sini. Dia ni [ini] dia bahasa macam India utara lah. Dia putih. Nampak? Dia doktor paling hansome sekali, dia macam Hindustan lah

SNZ : Hindutsan.

HS : Macam jenis hindustan lah, dia kahwin dengan cina sini. Ha ada dua orang doktor kahwin dengan cina. Kejap eh [Sebentar ya].

**SNZ : Yang haritu, yang Encik hashim kata yang anak nya eh [ya] yang datang?**

HS : Ini doktor yang kedua pengarah kedua sini. Dr Molesworth, ha kedua. Ni [Ini] sebelum merdeka punya gambar tau. Bukan baru. Sebelum merdeka ni *[ini*].

NSR : 1950

HS : Sebelum merdeka lagi. Ha tengok 1950 *sport day* [hari sukan]. Rumah sukan. Wu-- budak sekolah ni [ini] nampak? Tengok gambar cantik-cantik walaupun lama tengok geram tengok gambar kan? Kan. Gambar cantik, banyak. Sekolah, sekolah harapan tu [itu]. Ha siap dengan ha siap dengan apa, ha standard seven tahun 53 [1953], tahun 53 [1953] standard seven, standard seven sekarang tingkatan satu lah.

**SNZ : Satu sekolah tu sakit kusta lah makna nya?**

HS : Tingkatan satu lah ni. Standard seven. Standard seven ni [ini] tingkatan satu.

NSR : Mmm--

HS : Kita kan *standard six* [darjah enam] kan darjah enam kan.

NSR : Darjah enam.

HS : Standard seven darjah satu lah. Tapi [Tetapi] sistem dlu kalau tak *pass* [lulus] tak boleh naik. Ha-- pasar, fuh-- meriah betul lah PKKN dulu [dahulu]. Tengok. Tahun 60 [1960] an.

SNZ : Tu dia.

SH : Ramai

SNZ : Pasar tani

HS : Bukan macam sekarang

SNZ : Pasar tani.

NSR : Ohh--

HS : Pasar tani tu [itu], pasar malam ramai dalam tempat tadi yang pergi tadi tu [itu], ha macam ni [ini] lah dulu [dahulu]. Tahun 60 an.

SNZ : Makna nya kat [dekat] tempat tadi galeri tu [itu], tu [itu] memang kawasan tempat dorang [mereka] duduk lah.

HS : Pasar malam, pasar malam ni [ini].

NSR : Ohh--

HS : Tempat jumpa bunga, tak [tidak] silap saya tempat jual bunga ni [ini].

NSR : Aah bunga banyak.

HS : Sebab ada pokok besar.

SNZ : Aah.

HS : Tempat jual bunga tu [itu], ini lah.

**SNZ : Itu makna nya taman dorang [mereka] lah, dorang [mereka] duduk kat [dekat] situ?**

HS : Saya nak [mahu] tunjuk, ha ni [ini] polis semua. Sini, polis sini bomba sini,. Ha ni [ini] bomba sini fuh-- dahsyat eh [ya] sini punya bomba. PKKN punya bomba

SNZ : Dorang buat aktiviti

HS : Banggali dia tengok banggali nya duduk. Ni [Ini], ni [ini] jeep ni [ini] jeep askar bagi askar bagi jeep ni [ini] untuk kenderaan bomba lah.

NSR : Mmm--

HS : Bila [Apabila] ada kebakaran team ni [ini] guna jeep ni [ini] bawa air bawa apa pergi bakar pergi padam. Ha ketua nya banggali tu. Yang duk [duduk] atas tu [itu]. Ha-- mana ee-- kalau dapat gambar ni [ini], bomba Malaysia tu [itu] pun nak [mahu] tau.

NSR : Ohh--

HS : Sebab sejarah bomba pertama dalam Malaysia ni [ini] ah, PKKN [ini] ah bomba pertama di Malaysia. Ha ni [ini] kusta di Tampoi. Saya pergi Tampoi cari tak [tidak] jumpa.

**NSR : Tak [tidak], tak [tidak] jumpa?**

HS : Saya pergi cari ni [ini], baru. Bulan lepas saya pergi cari kat [dekat] Tampoi.

**SNZ : Takda [Tiada]?**

NSR : Dah [Sudah] roboh kot.

HS : Bukan jalan nak [mahu] masuk tu [itu] tak [tidak] tahu jalan, saya dah [sudah] sampai Tampoi ni [ini] tapi [tetapi] tak [tidak] jumpa. *Okay* [Baiklah],

gambar ni [ini], ha ni [ini] rumah sekarang ni [ini] rumah kusta sekarang. Jadi macam ni [ini] ah, sebab tak [tidak] dijaga. Ha rumah kusta sekarang. Yang sekarang ni [ini], kat belakang ni [ini]. Ha. Dia punya *architecture* [seni bina] dia orang Inggeris ni [ini], orang putih buat.

SNZ : Cantik.

HS : Cuma tak [tidak] dicat je [sahaja].

SNZ : Macam rumah--

HS : Macam Inggeris punya. Orang putih punya *architecture* [seni bina]

SNZ : Fraser Hill rumah macam gitu [begitu].

HS : Kan? Nampak? Lepastu [Selepas itu], ha lepastu [selepas itu] nanti kalau kahwin nanti pergi sini aa-- ambik [ambil] gambar.

SNZ : (Gelak)

HS : Dak, kalau dulu [dahulu] banyak.

NSR : *Photoshoot* [Penggambaran]

HS : Ha *photoshoot* [penggambaran] hari, hari ahad banyak cina-cina semua cari rumah lama-lama ni buat *photoshoot* [penggambaran]. Sebab kena tau, sebab apa kan, sebab pakaian dorang tu [itu]--

NSR : (Gelak)

HS : Kena dengan bangunan lama memang kena. Kan? Kalau pakaian dorang [mereka] dengan *background* [latar belakang] moden macam takde [tiada] apa-apa kan?

SNZ : Haa--

HS : Kan? Sebab tu [itu] banyak dorang [mereka] datang sini. Banyak oh banyak gambar. Ha ni [ini] bini dia. Yang Molesworth tadi tu [itu], Dr Molesworth tu [itu]

yang tahun 53 [1953] tu [itu] ini bini dia *family* [keluarga] datang sini duduk sini atas bukit. Rumah banglo dia ni [ini] atas bukit tu [itu], ada kolam renang semua. Sebelah hospital baru, sebelah hospital baru tu [itu] lah tempat dorang [mereka], tapi [tetapi] dah [sudah] dirobohkan. Wah-- cantik. tengok.

**SNZ : Dirobohkan?**

NSR : Travers school.

HS :Travers school, sekolah ni [ini]. Kusta ni [ini].

SNZ : Sungei [Sungai] buloh.

HS : Ha, kad dia. Travers school. Lepas tu [itu] nama dia tukar sekolah harapan, sekolah harapan Inggeris. Huyoo--. Travers school tu [itu], sijil berhenti sekolah. Sapa [siapa] ada ni [ini] memang *best* [seronok]. Kan?

**SNZ : Form three [Tingkatan tiga]?**

HS : Ha berhenti sekolah dapat. Ha nampak? Kan. *Okay* [Baiklah], korang dapat tengok ni [ini] pun takpe [tidak mengapa]. Lain kali datang lagi.

NSR : (Gelak)

HS : Ini, ini *scout* [pengakap], *scout* [pengakap] sini *scout* [pengakap] ni, apa *scout* [pengakap] ni [ini] apa? Kita panggil apa *scout [pengakap]* ni [ini] ha? Pandu puteri perempuan.

SNZ : Pengakap.

HS : Pengakap.

NSR : Ha pengakap.

HS : Kalau perempuan pandu puteri. Ha ni [ini] pun banyak gambar nya. Ha ni [ini] pandu puteri. Ha bukan. Ha *form one* [tingkatan satu], tahun 67 [1967] huyoo-- kalau saya ada dalam ni [ini] seronok aa--, kan? *Best* [seronok] gila.

SNZ : Mat salleh nya.

HS : Ha tahun, tahun 67 [1967] Ha sekolah sini. Gambar cantik.

NSR : Mmm--

HS : Kan? Ha gambar cantik gila. Orang putih ni [ini], sekolah ni [ini] ada kat [dekat] situ. Tadi korang [kalian] masuk tu [itu], nanti saya bawa pergi sekolah ni [ini], lain kali. Ha ini *scout* [pengakap], ni [ini] pengakap sini-- sini lengkap, pengakap ada, penari-penari ada, *singer* [penyanyi] pun, *band* [kumpulan] ada *band* [kumpulan]. Kugiran ada semua da. Semua ada ha banyak.

SNZ : Macam betul-betul komuniti dorang [mereka] duduk sini

HS : Kalau, ha ada. Kesian kan tengok kan muka dorang [mereka]. Kesian kan

SNZ : Aloo-- kesian nya

HS : Ha cina-cina yang kena kusta. Sekarang ni [ini] ada kalau ada pun dorang dah [sudah] mati dah [sudah] dorang [mereka]. Ada lah sorang [seorang] dua lagi belum mati ni [ini]. Dalam ni [ini] sorang [seorang] dua belum mati lagi ada. Ha ni [ini] menjahit. Dalam ni [ini] ha, bengkel menjahit dalam ni [ini]. Dalam ni [ini]. Dulu [Dahulu] dorang [mereka] menjahit dalam ni [ini]. Masa sebelum fisio, sebelum buka fisio sini, dalam ni [ini] tempat menjahit. Mesin jahit lama ni [ini] saya dah [sudah] hantar pergi galeri. Mesin lama dorang [mereka] ada dalam ni [ini] dulu [dahulu] saya hantar pegi galeri. Ha ni [ini] wad dulu [dahulu], dahsyat eh [ya]. Wad kusta PKKN dulu [dahulu] macam ni [ini] ha dulu [dahulu], uzur. Katil dia, tengok, katil kayu. Nampak? Dulu [dahulu] katil kayu je [sahaja]. Sekarang katil besi. Cantik. *Okay* [Baiklah]. Ha-- orang kusta nak [mahu] beranak. Dorang [mereka] kahwin dalam ni [ini] nak [mahu] beranak apa ya tempat-tempat *mercury* [merkuri]. Bukan *mercury* [merkuri]. Dia panggil apa? *Mercury* [merkuri] tempat mati. Ini tempat beranak. Dia panggil-- apa eh [ya]?

SNZ : Tempat bersalin.

HS : Wad bersalin orang putih panggil apa?

NSR : Labour

SNZ : Labour

HS : *Labour room* [bilik bersalin] ha, *labour room* [bilik bersalin]

**SNZ : Lepastu [Selepas itu] kalau dorang [mereka] beranak tu [itu], anak dorang [mereka] tu [itu] jangkit kusta ke tak [tidak]?**

HS : Tak-- tak [Tidak – tidak]

**SNZ : Tak [Tidak] kan?**

HS : Tapi [Tetapi] dorang [mereka] kuarantin lah. Taruk di *baby home* [bilik bayi]. Budak-budak semua simpan kat [dekat] situ. Tapi [Tetapi] sebenarnya tak-- tak jangkit. Dia takut, jadi dia buat *baby home* [bilik bayi] lah. Ini doktor orang putih dulu, gambar. Tapi saya tak [tidak] tahu nama dia. Doktor orang putih. Dia bukan pengarah sini. Dia doktor biasa. Aa-- ini dia. Hu-- ramai eh [ya]. PKKN dulu tengok (Batuk), ini macam perhimpunan bulanan ke apa ke.

NSR & SNZ: (Gelak)

HS : Perhimpunan.

SNZ : Sukan sea hari tu [itu]

NSR : Aah

HS : Ramai eh [ya]? Gambar dia *not bad* [boleh tahan] lah. Boleh nampak semua. *Clear* [jelas]. Ha ni-- ni-- ni [ini—ini—ini] apa papan dia dah [sudah] balik ke England. Dorang [Mereka] buat tugu lah, tugu untuk yang pertama tu [itu] Dr Ryrie. Ha. Fuh— haa--- ini dia. Haaa--- yang pakai *coat* [kot], *coat* [kot] hitam tahun 26 [1926], ha tahun 30 [1930].

**SNZ : *First* [Pertama] sekali?**

HS : *First* [Pertama] sekali tahun 30 [1930] dia jadi pengarah sini. Yang pakai *coat* [kot] hitam Dr Ryrie.

**SNZ : Dr Ryrie. R-Y-R-I-E?**

HS : Ha gambar cantik. Tu [Itu] bini dia, bini dia. Nampak? Ha-- gambar cantik. Tahun 30 [1930]. Nampak? Gambar dulu [dahulu] jangan main ah. Kamera dulu [dahulu] bagus ha. Gambar cantik-cantik. *Okay* [Baiklah]. *Okay* [Baiklah].

TEMUBUAL KEDUA

***Berikut adalah rakaman temubual kedua bersama Encik Hashim bin Shuib untuk mengetahui lebih lanjut tentang sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh. Temubual kedua ini telah dijalankan di di Pusat Kawalan Kusta Kegara (PKKN), Sungai Buloh iaitu di tempat beliau bekerja di unit anggota tiruan. Rakaman ini dikendalikan pada 10 haribulan November 2017, (10 Nov 2017) jam sebelas pagi.***

*Rakaman Kedua*

**NSR: Assalamualaikum Encik Hashim. Pertama kali saya ucapkan terima kasih sebab sudi menerima lawatan kami untuk ditemubual. Untuk latar belakang saya hendak tanya apakah nama penuh Encik Hashim?**

HS: Waalaikumsalam. Nama penuh saya Hashim bin Shuib.

**NSR: Okay [baiklah]. Berapakah umur Encik Hashim?**

HS: Buat masa sekarang umur saya 59 tahun lah. Jadi tahun depan 60 saya akan bersara.

**NSR: Bilakah Encik Hashim dilahirkan?**

HS: Saya dilahirkan tahun 1958

**NSR: Dimanakah Encik Hashim dilahirkan?**

HS: Saya dilahirkan di Pantai Remis, Perak.

**NSR: Encik Hashim berasal dari mana?**

HS: ye [ya] tadi Pantai Remis, Perak.

**NSR: aa-- siapakah nama Encik Hashim? Isteri Encik Hashim?**

HS: Nama isteri saya Zaini Binti Abu Taib

**NSR: Berapakah anak Encik Hashim?**

HS: Anak saya empat orang. Dah [sudah] meninggal sorang. Jadi, masih... sekarang masih ade [ada] tiga belas lah. Ahh-- tiga. Bukan tiga belas. Tiga.

**NSR: Boleh Encik Hashim cerita sikit mengenai keluarga Encik Hashim?**

HS: Saya boleh katakan keluarga yang bahagia lah. Jadi ada lah sikit sikit masalah tu [itu] kita settle la kan. Anak anak semua okay [baiklah] rumah— rumah-- rumah-rumah tangga semua okay [baiklah] lah. Okay [baiklah] lah takde [tiada] apa masalah.

**NSR: dimanakah Encik Hashim melanjutkan pelajaran?**

HS: saya sekolah rendah dulu [dahulu] di kampung saya. Lepas tu [itu], Sekolah Menengah Di Teluk Intan. Lepas tu [itu] saya melanjut pelajaran ke UPM [Universiti Putra Malaysia], Serdang dalam bidang teknologi makanan sebenarnya. Tapi saya tak [tidak] lulus dulu. Pada masa tu [itu] takde [tiada] kemudahan macam sekarangkan PTPTN semua takde [tiada]. Jadi saya terpaksa berhenti lah. Jadi saya masuk bidang kerja kerjaya saya yang pertama, sampai sekarang ni [ini]. Dalam bidang prosthetic orthotic [bidang kaki palsu]. Dalam bidang kaki palsu.

**NSR: berapa lamakah Encik Hashim bertugas di PKKN?**

HS: selama dua puluh tujuh-- dua puluh empat tahun. Dua puluh empat tahun.

**NSR: sebelum ni [ini] Encik Hashim pernah bekerja di mana?**

HS: saya bekerja di Hospital Kuala Lumpur dalam bidang yg sama juga

**SNZ: okay [baiklah] umm-- boleh tak [tidak] Encik Hashim cerita sikit pasal [sebab] sejarah PKKN ni [ini]?**

HS: okay [baiklah]-- sebenarnya sejarah PKKN ni [ini] tak [tidak] ramai orang yang tahu. Sebabnya PKKN ni [ini] adalah tempat yang tersorok. Sungguh pun

dia tak [tidak] jauh daripada KL [Kuala Lumpur] lebih kurang dalam 20 kilometer je. Tapi kedudukan dia tu [itu] masa dulu [dahulu] terpencil la duduk di dalam kawasan hutan di di kelilingi oleh bukit bukit dan hutan. Dan pada masa tu [itu] orang pun tak [tidak] berani datang ke PKKN sebab ditakuti penyakit kusta ni [ini]. Jadi, cerita apa yang berlaku di PKKN ni [ini] tak [tidak] ramai orang yang tahu. Kecuali orang yang dalam eh-- orang dalam doktor doktor yang mana bertugas dalam PKKN tu [itu] dari situ la kita dapat sejarah PKKN ni [ini]. Jadi saya-- bila [apabila] saya masuk bertugas ke PKKN saya korek ehh. Saya mencari sejarah, saya korek dan saya pun buat Facebook Peminat Sejarah PKKN untuk expose [mendedahkan] kepada public [orang luar] tentang adanya--adanya sejarah kusta di PKKN. Secara ringkas eh, saya bagitahu sejarah secara ringkas jela. Aa-- PKKN ni [ini] mula dibuka pada tahun 1926. Pada tahun 1930 baru dia dirasmikan. Jadi pada masa tahun 30 tu [itu] pengarah disini yg pertama, pada masa tu [itu] dipanggil penguasa perubatan, sebelum merdeka eyy, kita dibawah jajahan Inggeris. Jadi pengarah perubatan disini ialah Dr Jordan Alexander Ryrie. Biasa dipanggil Dr Ryrie la. Dr Ryrie ni [ini] dia bertugas daripada tahun 1930 hingga tahun 1947. Pada zaman Jepun, beliau di tangkap oleh Jepun dan dikurung di Singapura. Selepas perang tamat, dia sempat datang balik ke PKKN sebelum dia balik ke England. Jadi dia dapat jumpa balik dengan pesakit pesakit dia lah. Dia ni [ini] sangat komited dengan pesakit dia, dia sangat disayangi oleh pesakit pesakit kusta di PKKN. Dimana setelah dia wafat lah, ataupun dia mati, setelah dia mati, dia digelar sebagai-- wali wali Sungai Buloh ataupun “the Saint of Sungai Buloh”. Satu gelaran yang hebat lah bagi seorang yang- yang bertugas di Sungai Buloh ni [ini]. Jadi bila [apabila] dia dah balik ke England, dia digantikan oleh doktor-- Dr Mosworth, Doktor David Brown--Borlough Molesworth. B.D. Mosworth (dikenali sebagai Doktor B.D. Molesworth). Dia ni [ini] menggantikan Doktor Ryrie daripada tahun ’47 [1947] hingga tahun ’57 [1957]. Sebabnya, sebab (batuk) kerajaan (batuk) sebab kerajaan nak merdeka eh, kita nak merdeka pada tahun ’58 [1958] (Tanah Melayu Merdeka pada tahun 1957). Jadi, pada akhir tu [itu] dia ambik [ambil] keputusan untuk balik ke England lah, bersara. Jadi bila [apabila] dia dah [sudah] takde [tiada],

tempat dia digantikan oleh doktor Malaysia lah, Doktor Reddy. Doktor Reddy ni [ini] pun datang dari India. Dia— dia-- dia-- nak keje [kerja] di Malaysia. Dia memang qualified [berkelayakan] dalam bidang kusta. Dia panggil leprologist. Leprologist ni [ini] doktor yang specialized [pakar] dalam bidang kusta. Jadi dia dapat pendidikan kusta di India. Bila [apabila] dia datang ke Malaysia, pada masa tu [itu] tahun lapan.-- '58 [1958] dah [sudah] merdeka lah, dan dia ambik [ambil] alih jawatan penguasa perubatan ni [ini] dan dia bekerja dengan penuh dedikasi, komited dan dia juga disayangi oleh orang orang kusta. Dimana jasa besar Doktor Reddy adalah industri bunga PKKN tu [itu]. Tahun lima puluh lebih. Atas inisiatif Doktor Reddy. Sampai sekarang pun kita masih-- PKKN masih terkenal dengan industri bunga eh. Ini disebabkan adalah jasa besar Doktor Reddy. Lepas Doktor Reddy bersara-- Doktor Reddy balik ke England. Dia pun meninggal di England. Baru-- tak lama la dalam lima, enam tahun lepas. Dia pun meinggal di England. Dia bawa keluarga dia di England. Isteri dorang [mereka] Cina disini lah. Orang Malaysia eh. Isteri dorang [mereka] Cina sini dan dia dah [sudah] meninggal di England. Doktor Reddy ni [ini] kebanyakan orang tahu dia sebab di KL [Kuala Lumpur] banyak ada klinik Reddy ehh. Reddy kinik. Di klinik ni [ini] adalah, Doktor Reddy, PKKN ni [ini] lah. Bila [apabila] dia bersara dekat PKKN dia buka klnik 24 jam yang pertama di Malaysia. Okay [baiklah] bila [apabila] Doktor Reddy dah [sudah] takde [tiada]. Dia digantikan oleh Doktor Bhojwani. Doktor Bhojwani sama macam Doktor Reddy juga. Dia leprologist dari India. Qualified macam Doktor Reddy juga. Sebelum ni [ini] dia jadi timbalan penguasa perubatan, timbalan Doktor Reddy lah, bila [apabila] Doktor Reddy bersara, Doktor Bhojwani ambik [ambil] alih dan dia juga sangat dedikasi, sangat professional dalam tugas dia. Jadi banyak inovasi teknik teknik rawatan kusta yang-- yang canggih-canggih yang terbaru pada masa tu [itu] adalah hasil daripada Doktor Bhojwani. Kita boleh lihat dalam galeri kusta, (batuk) kita ada teknik rawatan untuk claw hand eh. Claw hand ni [ini] orang kusta yang saraf tangan dia dah [sudah] mati dah [sudah] rosak. Jari dia akan aa-- mencekam tak [tidak] boleh buka. Jari dia-- jari dia macam tertutup tak [tidak] boleh buka. Jadi atas rawatan Doktor Bhojwani, jari dia boleh lurus balik. Teknik ni [ini] dia panggil

tendon transfer. Tendon transfer ni [ini] boleh di-- teknik ni [ini] boleh digunakan untuk kaki juga. Kaki yang ada kita panggil aa-- drop foot eh drop foot. Drop foot ni [ini] kaki dia dia berjalan dengan hujung hujung tumit. Dia tak [tidak] boleh sampai ke tumit kaki. Dia-- dia berjalan hujung jari. Hujung jari kaki aje. Dia jalan jengket eh. Dia jalan jengket. Bila-- dengan teknik tendon transfer oleh Doktor Bhojwani ni [ini], kaki dia boleh jalan normal. Dia buat operation [pembedahan], buat pembedahan tendon pada bahagian kaki, jadi selepas dalam dua bulan tiga bulan pesakit dah [sudah] boleh jalan dengan normal. Jadi teknik ni [ini] kita boleh (batuk) boleh lihat di galeri kusta saja yang ada di situ. Ini-- ini pun inisiatif saya ye [ya], sebab saya yang mencari dokumen-dokumen yang mana digunakan oleh Doktor Bhojwani teknik tendon transfer ni [ini] dan saya letakkan di galeri. Di-- di Malaysia teknik transfer ni [ini] hanya ada di Universiti Malaya. Pusat perubatan Universitl Malaya dimana teknik ni [ini] ajar oleh Doktor Thambi Raja. Doktor Thambi Raja ni [ini] pun doktor PKKN yang belajar dengan Doktor Bhojwani. Jadi kalau ada kes industri, kemalangan industry yang menyebabkan jari-- jari jadi bengkok ataupun kaki jadi bengkok tak [tidak] boleh lurus. Boleh dapatkan rawatan tendon transfer ni [ini] di universiti-- pusat perubatan universiti Malaya. Ini hasil daripada jas-- jasa orang orang di PKKN lah. Jasa jasa pakar pakar di PKKN. Okay [baiklah] dari segi penyelidikan kusta pun PKKN yang tersohor di dunia lah. Antara yang tersohor di dunia. Sebab di PKKN lah yang menjumpai kuman kusta resistance [tahan] kepada ubat Depson. Ubat Dapsone ni [ini] ubat moden pertama yang dicipta untuk melawan kusta. Jadi bila [apabila] (batuk) Dapsone dicipta seluruh dunia beralih daripada menggunakan ubat tradisional kepada ubat moden. Tapi, di PKKN kita penyelidik, kita dapati kuman kusta boleh resistance, dia boleh kebal kepada-- kepada ubat Depson. Jadi penjumpaan ni [ini] lah yang menaikkan nama makmal penyelidikan kusta PKKN. Selepas tu [itu] doktor doktor aa— yang-- penyelidik penyelidik kusta seluruh dunia mencipta ubat lain yang aa-- support keberke-- keberkesanan Dapsone ni [ini]. Dapsone ni [ini] memang berkesan. Jadi ada lagi dua drug lagi yang ditambah. Dipanggil jadi Multiple Drug Therapy (MDT) eh. Multiple Drug Therapy (MDT) ni [ini], Dapsone dan ditambah lagi dua jenis lagi rampifisin ada lagi satu

jenis di tambah supaya dia boleh cover kelemahan aa-- resistance eh aa-- bakteria resistance kepada ubat Dapsone ni [ini]. Jap [sekejap] eh ada banyak sebenarnya sejarah ni [ini]. Okay okay [baiklah].

SNZ: pasal [sebab] ubat tu [itu]--

HS: haa ye [ya]--

**SNZ: berapa lama pesakit tu [itu] kena makan?**

HS: kalau ubat moden ni [ini] MDT ni [ini] saya dapat tahu daripada pesakit lah. Doktor arah kan makan selama 8 tahu. Samada dia admitted [dimasukan ke wad] duduk di dalam PKKN ataupun di luar PKKN pun sama.

**SNZ: tak [tidak] boleh berhenti?**

HS: tak [tidak] boleh berhenti selama 8 tahun. Kalau... ada pesakit yang makan selama 7 tahun, dia boleh kena balik. Bila [apabila] dia kena balik, dia kena repeat balik selama 8 tahun lagi.

**SNZ: sebelum ni [ini] ada lah kes macam tu [itu]?**

HS: dah [sudah] ada. Dah [sudah] ada kes yang berlaku. Lagi satu yang tak [tidak] bagusnya ubat moden ni [ini]. Sebab dia. Bila [apabila] dia dah [sudah] baik sepenuhnya. Dia tak [tidak] boleh kata dia selamat. Sebab penyakit kusta ni [ini] dia-- dia mengikut ketahanan badan kita. Kalau antibodi kita tak [tidak] kuat eh ketahanan badan kita tak [tidak] kuat, kita boleh kena balik. Sebab kuman kusta ni [ini] ada di mana mana.

**SNZ: sebelum dorang [mereka] jumpa ubat moden ni [ini], apa cara orang dulu – dulu [zaman dahulu] makan? Ubat apa orang dulu – dulu [zaman dahulu] makan?**

HS: aa-- ni [ini] yang saya cerita tadi tu pada zaman tok nadok (zaman dahulu kala) eh. Orang Kedah kata zaman tok nadok. Orang sini kata pada zaman dulu – dulu [zaman dahulu] kala la. Saya dapat the info [maklumat] daripada internet, mengatakan 4000 tahun dulu [dahulu] penyakit kusta ni dah [sudah] ada. Masa

sebelum nabi-- sebelum lagi Nabi Isa ye [ya]. Sebelum Nabi Isa penyakit ni [ini] dah [sudah] ada. Aa—okay [baiklah]. Aa-- cerita ni [ini] (batuk) penyakit ni [ini] memang daripada-- daripada dulu [dahulu] dah [sudah] ada. Tapi pada 2000 tahun yang lepas (batuk) baru la ubat pertama kusta ditemui (batuk). Ini pun (batuk) ini pun dia jadi macam satu aa-- dongeng ataupun satu metos (mitos) ataupun macam hikayat. Jadi takde [tiada] kepastian yang betul la. Sebab benda ni [ini] dah [sudah] 2000 tahun yang lepas kan. Jadi ada cerita tu [itu]-- cerita yang-- yang masyhur la mengatakan raja Burma yang pertama sekali jumpa ubat kusta.

**SNZ: sebab apa dia jumpa ubat kusta tu [itu]?**

HS: sebab dia kena kusta!

SNZ: ohh dia kena kusta.

HS: pada zaman tu [itu] memang orang Burma banyak yang dah [sudah] kena kusta tapi takde [tiada], takde [tiada] ubat. Jadi dorang [mereka] mati macam tu [itu] jela. Jadi bila [apabila] raja dia kena. Raja dia dapat mimpi. Dia suruh, "Hang [kamu] dia ta [dia kata] hang [kamu] esok hang [kamu] masuk hutan. Hang [kamu] jangan balik. Sampai hang [kamu] baik baru hang [kamu] balik" yang dalam mimpi dia cakap. Cakap loghat Kedah la macam tu [itu] la. Abih tu [habis itu] dia kata-- dia kata, "Kalau saya dok [duduk] dalam hutan macam mana saya penyakit saya nak baik? Hang [kamu] cari buah yang bulat tu [itu], dia jatuh dari pokok tu [itu], bulat macam bola-- bola softball tu [itu]. Dia jatuh dari pokok tu [itu] dia dah [sudah] masak ranum. Hang [kamu] makan perabih [habis]. Kulit hang [kamu] buang. Isi dia dengan biji hang [kamu] makan perabih".

**SNZ: yang Encik Hashim tunjuk tadi la. Buah tu [itu] la?**

HS: haa buah tu [itu] la. "Hang [kamu] makan perabih dengan isi dalam dengan bijik tu [itu], sampai hang [kamu] baik! Sampai hang [kamu] baik baru hang [kamu] balik". Jadi dia masuk dalam hutan dia bawa bekalan dia semua, sorang sorang dia, dia masuk dalam hutan di Burma, dan dia cari pokok yang dia

nampak dalam mimpi dia. Pokok buah dia bulat tu [itu]. Jadi selepas 6 bulan atau pun mungkin 6 tahun ka macam tu [itu] lah. Selepas tak [tidak] berapa lama, dia keluaq (keluar) dari hutan tu [itu] dalam keadaan sihat. Akan normal, jadi bila [apabila] orang tanya raja tu [itu], raja tu [itu] kata "buah ni [ini] la yang menyelamatkan dia". Jadi masyhur la buah tu [itu] sampai la, sampai selepas tu [itu], seluruh dunia menggunakan buah Hydnocarpus eh. Hydnocarpus ni [ini] dia boleh dijumpai di Burma, India, Thailand, Indo-China dan juga di selatan China. Di Malaysia ada, tapi spesis lain eh, spesis lain.

**SNZ: tak [tidak] sama la?**

HS: tak [tidak]-- tak [tidak] sama macam-- macam yang di Burma ni [ini]. Yang Malaysia punya buah dia kecik, yang besar besar ni [ini] semua dari Burma. Masa, pada-- sejak PKKN dibuka tahun tiga puluh... tahun 26. Awal dulu, Doktor Ryrie mengimport buah ni [ini] dari-- daripada Burma eh untuk buat rawatan. Masa tu [itu] belum ada-- ubat moden. Ubat moden hanya digunakan di PKKN pada tahun '49 [1949] oleh Doktor Molesworth. Doktor Molesworth ni [ini] yang pertama inject [suntik] ubat Dapsone kepada pesakit kusta tahun '49 [1949] sebelum tahun '49 [1949] tu [itu] semua menggunakan buah-buah kusta ni [ini] la. Buah Hydnocarpus ni [ini].

**SNZ: dorang [mereka] makan je [sahaja] ke buah tu [itu]?**

HS: dia ambik [ambil] minyak. Dia ekstrak (batuk) dia ekstrak minyak daripada buah ni [ini] dan doktor inject [suntikan] pada kulit pesakit. Sebelum tu [itu], rawatan tradisional Cina dia panggil Thai Pung Qi. Thai Pung Qi ni [ini] biji dia di-- di adun dengan herba herba Cina, termasuk lah ganja eh ganja. Cannabis [daun ganja] tu [itu]-- cannabis [daun ganja] tu [itu] pun ramuan dalam tu [itu] la. Dalam ubat kusta tu [itu] dan dia bagi makan, dia makan tiap tiap hari lah kepada pesakit. Dan hasil dia 80% sembuh. Satu angka yang bagus la. 80% daripada pesakit kusta sembuh gunakan ubat tradisional Thai Pung Qi. Ubat ni [ini] digunakan daripada dulu-- daripada pusat kusta di... di Setapak kem. Bila [apabila] dah [sudah] pindah ke PKKN, Doktor Ryrie tak [tidak] bagi guna cara

tradisional tu [itu], dia guna cara injection [suntikan]. Cara injection [suntikan] ni [ini] sakit! Kebanyakkan pesakit tak [tidak] suka cara injection [suntikan] minyak Hydnocarpus, dia suka cara lama juga.

**SNZ: prefer [lebih suka] [ dorang [mereka] makan?**

HS: cara makan tu [itu] takde [tiada] sakit lah kan sebab inject [suntikan] pada kulit, dia timbul macam bengkak pada kulit la. Sakit la. Tapi rawatan cara minyak tu [itu] pun boleh katakan berkesan juga la tapi bukan 100% berkesan la.

**SNZ: dia macam melambatkan la kuman kuman tu [itu] merebak?**

HS: tak [tidak]. Dia boleh sembuh. Boleh sembuh. Tapi peratus sembuh tu [itu] mungkin dalam lingkungan sama la dalam 70% sembuh macam tu [itu] la. 60% 70% sembuh. Sehingga jumpanya tahun empat puluhan di England la. Dorang [mereka] dapat penemuan ubat Dapsone ni [ini]. Ubat Dapsone ni [ini] bila [apabila] dah [sudah] jumpa, dan digunakan di PKKN pada tahun '49 [1949] peratus sembuh tu [itu] makin bertambah juga menyebabkan yang pesakit di kusta ni [ini] makin kurang sebab dorang [mereka] bila [apabila] sembuh dorang [mereka] kena keluar daripada PKKN. Jadi yang mana yang degil taknak [tidak mahu] keluar tu [itu] yang ada lagi sampai sekarang ni [ini].

**SNZ: berapa ramai lagi yang ada dekat sini eh?**

HS: ada dalam lingkungan 100 orang lagi lah.

**SNZ: semua dah [sudah] 100% sihat ke atau pun masih sakit lagi?**

HS: dorang [mereka] ada yang separuh duduk dalam wad masih ada penyakit kusta. Aa-- duduk dalam wad. Ada yang sihat tu [itu] aa— masuk dalam industri bunga. Tanam bunga, penjual bunga apa semua dan ada yang takde [tiada] keje [kerja] apa apa saja lepak duduk tunggu mati la kita katakan. Dorang [mereka] ni memang tak [tidak] produktif la yang mana yang tunggu mati ni [ini].

**SNZ: kenapa dorang [mereka] taknak [tidak mahu] keluar eh dari PKKN ni [ini] walaupun dorang [mereka] dah [sudah] sihat**

HS: sebab dia-- tu [itu] sebabnya dia kata dorang [mereka] takde [tiada] tempat, sedara [saudara] mara kat [dekat]luar takde [tiada] tempat, takde [tiada] kawan kawan, takde-- takde [tiada] kenalan. Sebab bila [apabila] dorang [mereka] masuk PKKN dorang [mereka] putus hubungan dengan mak bapak, keluarga, kawan kawan semua tak [tidak] boleh datang tengok dorang [mereka]. Sebab dorang [mereka] pun takut nak datang tengok sebab masa tu [itu] kuman kusta berjangkitkan. Dia kata kuman kusta berjangkit. Jadi dorang [mereka] terasing disini dan sekian lama dorang [mereka] pun tak [tidak]-- tak [tidak] berani nak tinggal di luar. Tapi kebanyakan orang Melayu tinggal di luar la sebab orang Melayu ni [ini] – dengan orang Melayu dorang [mereka] tolerant [toleransi] lah. Dorang [mereka]-- tak [tidak]-- tak [tidak] begitu takut dengan kusta. Orang Melayu dengan orang Melayu tak [tidak] begitu takut sangat dengan kusta. Tapi kalau orang Cina, dia tahu kawan dia ada kusta dia langsung taknak [tidak mahu] dekat. Tapi orang Melayu kita boleh bersalam, boleh makan sekali, boleh apa-- boleh berniaga. Ada orang Melayu yang tangan dah [sudah] takde [tiada] tu [itu], jari takde [tiada] orang kusta boleh berniaga nasi lemak lagi boleh, kita beli kita makan. Orang Cina. No! [tidak] orang Cina sangat takut pada kusta kalau dia ada anak perempuan pun, anak perempuan dia sampai tua tak [tidak] kahwin kahwin sebab orang Cina taknak [tidak mahu] kahwin dengan orang kusta. Orang Cina luar. Tu [itu] la dia punya stigma dia lah

**SNZ: dorang [mereka] takut benda tu [itu] macam berjangkit la? Macam keturunan?**

HS: aa-- keturunan. Dia ingat penyakit ni [ini] penyakit keturunan. Sebenar nya bukan keturunan. Cuma dia takut berjangkit la. Tapi pada orang Melayu takde [tiada] apa lah.

**NSR: Encik Hashim, apa petanda sakit kusta ni [ini] eh?**

HS: dia—kita-- jumpa tompok pada badan. Tompok tu [itu] bila [apabila] kita--kita garu ke, kita cucuk ke dia tak [tidak] sakit dia kebas. Tompok tu [itu] macam seakan macam-- kurap la. Kurap. Macam kurap

**SNZ: kulit jadi merah merah bernanah ke?**

HS: tak [tidak]. Dia kurap macam dia merah, tompok merah. Tompok merah macam kurap. Kalau kurap kita garu dia gatal kan. Dia takde [tiada] rasa apa apa. Kita ambik [ambil] jarum, kita cucuk cucuk cucuk sampai berdarah kat [dekat] tempat tu [itu], tak [tidak] sakit. Itu tanda kusta. Itu yang senang-- senang tahu la tanda dia. Kalau nak lebih ni [ini] lagi kita ambik [ambil] sampel, doktor akan ambik [ambil] sampel pada kulit tu [itu] dan pergi ke makmal dia akan teropong tengok ada kuman tak [tidak] dekat aa-- sampel tu [itu]. Sampel kulit tu [itu].

**SNZ: kalau kulit bersentuhan ke apa dengan orang kusta, orang tu [itu] boleh kena ke?**

HS: kalau aa-- di percayai [batuk] di percayai saja dengan sentuhan, kuman kusta ni [ini] akan berjangkit dengan orang lain. Tapi, bukti sebenar nya takde [tiada]. Kalau kita pegi Kursus kursus kusta yang di buat oleh doktor doktor kat [dekat] mana, dorang [mereka] kata closed contact [bersentuhan] eh. Closed contact [bersentuhan] ni [ini] boleh berjangkit dengan kusta. Sebenarnya takde [tiada] bukti. Cuma cakap cakap atau pun [bunyi mulut] atau pun dia kata teori jela atau pun cakap cakap je. Kalau kita lihat kan [batuk] mak bapak kusta, melahirkan anak kusta dan membesarkan anak kusta, sorang pun anak kusta tu [itu] tak [tidak] dijangkiti oleh kuman kusta. Bermakna, kalau dia bela anak dia, memamg ada closed contact [bersentuhan], kan, dengan anak dia tak [tidak] kena. Kalau— suami kusta, isteri tak [tidak] kusta kahwin pun isteri dia tak [tidak]-- tak [tidak] kena juga kusta.

**SNZ: sebab antibodi dorang [mereka] kuat ke apa?**

HS: haa ye [ya] la sebab antibodi sebenarnya. Bukan sebab closed contact [bersentuhan]. Sebab dulu [dahulu] memang doktor doktor daripada zaman dulu [dahulu] pun kata, dengan closed contact [bersentuhan] boleh berjangkit. Sebab tu [itu] pada zaman dulu [dahulu] duit PKKN ni [ini] dibakar. Aa-- sebab pada mula nya duit-- duit kertas PKKN ni [ini] dibuat untuk diedarkan dalam PKKN. Sebab dia taknak [tidak mahu] kuman kusta yang— kuman kusta berjangkit melalui duit kan. Sebab duit ni [ini] takut nanti digunakan di luar takut dia berjangkit. Jadi dia buat special [istimewa] duit kusta ni [ini] untuk diedarkan dalam kusta

**SNZ: orang orang kusta, pesakit saja yang pakai duit tu [itu]?**

HS: tapi selepas Doktor Ryrie ambik [ambil] sampel duit kusta tu [itu], dan di teropong, dia takde [tiada] jumpa satu kuman pun yang lekat pada duit kusta. Jadi Doktor Ryrie mengarahkan duit kusta ni [ini] dihapuskan. Dengan cara bakar semua. Sebab tu [itu] duit kusta sekarang ni [ini], satu keping harga tiga puluh ribu, duit lama tu [itu] sebab dia sangat-- sangat— langka la atau pun sangat susah untuk dijumpai. Dalam lelongan paling murah pun lapan belas ribu.

**SNZ: ada lagi tak [tidak] duit tu [itu] sekarang?**

HS: ada dalam koleksi peribadi lah

**SNZ: Encik Hashim? Encik Hashim ada?**

HS: saya takde [tiada]. Saya ada gambar dia banyak la. Gambar— gambar gambar dia. Tapi yang original PKKN pun tak [tidak] ada. PKKN pun ada yang photostat aje. Yang original ada di Singapore, ada di Hong Kong dan ada di China sebab dorang [mereka] beli dekat pesakit pesakit yang tak [tidak] serah kan duit tu [itu] dulu [dahulu] kepada— kepada PKKN untuk dibakar. Dorang [mereka] tak [tidak] serahkan. Jadi duit tu [itu] yang sekarang ni [ini] satu keping berharga tiga puluh ribu. Ini aa-- cerita duit ni [ini] aa-- tu [itu] lah tadi saya kata

pada asal nya dorang [mereka] percaya closed contact [bersentuhan] menyebabkan penyakit ni [ini] akan berjangkit pada orang lain. Tapi bila [apabila] Doktor Ryrie dia membuktikan yang duit kusta, kuman kusta tak [tidak] lekat pada duit. Jadi tak [tidak] ada la teori closed contact [bersentuhan]ni [ini]. Satu lagi, aa-- daripada tahun dulu [dahulu] sampai sekarang staf yang daripada luar yang berkerja di PKKN. Seorang pun tak [tidak] kena kusta. Termasuk saya lah. Saya pun--

**SNZ: sorang pun tak [tidak] kena eh?**

HS:saya pun dah [sudah]—tadi pun 24 tahun disini eh. Saya pun tak [tidak] penah kena kusta. Anak anak saya, keluarga saya pun tak [tidak] pernah, saya bawa balik kuman kusta kat [dekat] rumah tak [tidak] pernah kena pun. Jadi saya--- teori saya adalah tiap-tiap orang tua ada ketahanan badan dia eh. Jadi ada orang ketahanan badan dia lemah, ada yang tinggi. Hanya orang yang ketahanan badan tinggi saja yang boleh kerja dekat PKKN ni [ini]. Biasanya kuman kusta ni [ini] dia aa— mudah berjangkit kepada orang orang yang miskin, orang melarat, orang yang duduk di kawasan kawasan kotor, orang yang taraf ekonomi dia rendah yang— aa-- tempat tempat yang macam setinggan kan, orang miskin, orang yang dapat makanan tak [tidak] cukup. Jadi yang orang yang—

**SNZ: air air kotor tu [itu] apa semua**

HS: air kotor, minum air kotor bekas air paip, tandas-- dulu [dahulu] kan tandas pun aa-- buang air merata rata kan, zaman dulu. Pastu [selepas itu] PKKN dibuka pada tahun '26 [1926] ni [ini] siap dengan tandas tarik. Dalam Malaysia dah [sudah] dalam Asia tahun '26 [1926] hanya di PKKN saja yang ada tandas tarik, tahun '26 [1926] seluruh Asia.

**SNZ: macam perkampungan kusta la dekat sini?**

HS: tandas tarik ni [ini] adalah satu mecu tanda bagi kusta sebab dalam Asia, tahun' 26 [1926] dimana mana pun tak [tidak] ada tandas tarik yang ada tandas curah.

**SNZ: tandas tarik tu [itu] yang flush tu [itu] ke?**

HS: haa macam kita punya. Flush la. Flush toilet. Di PKKN saja yang ada. Ini satu kebanggaan teknologi paling tinggi la dalam Asia, adalah tandas tarik. Tandas tarik yang pertama dalam Malaysia dan dalam Asia adalah di PKKN. Saya ada simpan dulu, tapi dah [sudah], sekarang dah [sudah] tak [tidak] tau mana pergi dah [sudah]. Dibuat pada besi la. Besi yang solid dalamnya. Jadi, ini pun banyak orang tak [tidak] tahu sebenarnya. Tentang kisah sejarah tandas eh. Bukan sejarah PKKN saja, sejarah tandas. Dan sistem kumbahan dia pun, sistem kumbahan yang canggih! Sangat canggih! Sebab tu PKKN pada zaman dulu [dahulu] dia diberi nama jolokan "London of the East" sebab apa yang dibuat di London ada di PKKN. Contohnya tandas flush ni, flush toilet [tandas tarik] ni [ini] tahun 1902 yang menggunakan yang pertama adalah Queen Elizabeth. Queen Elizabeth orang yang pertama menggunakan flush toilet [tandas tarik]. Pada 1926, flush toilet ni [ini] dah [sudah] sampai ke Malaysia. Begitu-- begitu cepat nya teknologi ni [ini] pada zaman dulu. Haa kalau sekarang ni [ini] apa yang berlaku di barat sampai empat puluh tahu, lima puluh tahun baru kita gunakan kat [dekat] Malaysia. Kita tengpk berapa cepat nya teknologi dulu [dahulu] berkembang eh pada zaman Inggeris. Jadi banyak lah yang saya dah [sudah] kaji aa- PKKN ni [ini] tapi— banyakkan orang luar tak [tidak] tahu sebenarnya. Sistem dia banyak la. Sistem bekalan air dia pun antara yang termaju di—di-- di— Malaysia ye [ya]. Sebab pada masa tahun '26 [1926] tu [itu] bekalan air bersih yang dirawat eh sangat susah di jumpai di-- di tanah Melayu pada zaman tu [itu].

**SNZ: tapi kusta dah [sudah] ada dah [sudah]?**

HS: kusta dah [sudah] ada. Air yang dirawat. Air yang di ambil dari bukit. Di pam ke dalam tangka besar, dirawat pastu [selepas itu] baru disalurkan pada wad wad dan chalet pesakit dan ada nya sistem di wad yang aa— pesakit mandi gunakan sistem shower, automatik shower eh. Automatik shower ni [ini] dia macam dia– dia– dia tarik. Dia macam tandas flush juga la. Dia tarik je [sahaja] tali tu [itu] dan air tu [itu] akan mencurah ke badan dia. Sebab orang kusta dia-- tangan dia tak [tidak] boleh pulas paip eh. Macam kita sekarang. Dia punya tarik je [sahaja] dan air tu [itu] boleh mencurah ke badan pesakit. Pastu [selepas itu] [selepas itu] ada yang tandas automatik di chalet dan juga di wad dimana aa— tandas- tandas flush- flush toilet [tandas tarik] tu [itu] diubahsuai dijadikan automatik. Dalam masa lima minit sekali dia akan flush sendiri. Begitu canggih kan kita lihat

**SNZ: macam zaman sekarang**

HS: special- special untuk orang kusta saja. Kita sekarang pun kalau kita pegi dekat RnR kan-- rehat dan rawat tu [itu] kita takde [tiada] jumpa tandas yang lima minit sekali dia flush sendiri. Takde [tiada] kan. Kita yang kena tekan button kan?

**SNZ: selalu kat [dekat] shopping mall je [sahaja] ada tandas macam tu [itu]. Automatik.**

HS: itu yang untuk kencing, ni [ini] untuk yang buang air besar pun dia boleh buat macam tu [itu]. Automatik semua. Ni [ini] satu kecanggihan orang orang zaman dulu [dahulu] lah. Jadi-- tu [itu] la saya kata yang saya bagitahu tu [itu] yang tujuan asal saya meminat sejarah PKKN ni [ini] sebab saya nak mencontohi kemajuan yang orang dulu [dahulu] buat tapi orang sekarang tak mampu buat. Saya bagitahu tadi contoh tendon transfer eh, teknik tendon transfer. Lagi satu dia panggil teknik aa-- teknik TCC eh. TCC ni [ini] rawatan untuk luka tapak kaki. Aa— sampai sekarang pun dalam Malaysia masih-- masih susah dijumpai di hospital hospital eh.

**SNZ: TTC— aa-- TCC tu [itu] shortform untuk?**

HS: dia-- umm dia-- aa— kon-- dia—dia—dia—dia simen— dia simen. Dia simen kaki tu [itu]-- untuk untuk mengurangkan bebanan pada luka pada tapak kaki tu [itu]. Aa- benda ni [ini] saya dah [sudah] ubah suai. TCC ni [ini] dan saya buat C walker eh. Saya ubah suai daripada teknik ni [ini] dan saya dah [sudah] menang tiga kali daripada tahun—tiga tahun lepas. Tiga tahun lepas saya menang inovasi nombor 2 peringkat kebangsaan. Yang kedua peringkat kebangsaan. Lepas tu [itu] saya menang johan negeri Selangor dan tahun ni [ini] saya menang johan negeri Selangor. Hadiah terkumpul adalah sebanyak 13,000 [RM13 000] kerana menang inovasi aa-- saya ambik [ambil] idea daripada teknik TCC rawatan kencing manis ni [ini]. Dengan ada nya inovasi saya ni [ini] ramai orang orang yang ada luka pada tapak kaki kerana kencing manis ni [ini] dorang [mereka] dapat menyelamatkan kaki tak [tidak] kena [kena] potong lah. InsyaAllah tak [tidak] kena potong. Hasil kajian di hospital Sungai Buloh ni [ini] daripada 18% aa-- luka kencing manis ni [ini] yang ada lubang di kaki Berjaya-- berjaya sembuh sehingga 100% sembuh. Daripada 18% tinggal 0%. Aa-- jadi satu—satu pencapaian yang-- yang terbaik lah daripada inovasi yang saya ilhamkan daripada rawatan-- rawatan orang kusta di PKKN.

**SNZ: boleh tak [tidak] aa— saya nak tahu zaman dulu [dahulu] kan dorang [mereka] buat macam perkampungan kusta tu [itu] enn. Apa je [sahaja] aktiviti aktiviti yang dorang [mereka] selalu buat?**

HS: okay [baiklah] di perkampungan kusta ni [ini] aa-- sebenar nya perkampungan kusta ni [ini] dia ikut planning daripada England. Ada—aa-- dia panggil perancang bandar di England eh. Nama dia aa—Reid-- Reid aa-- ad— saya tak [tidak] tak [tidak] berapa ingat la. Dia ni [ini], dia merancang PKKN ni [ini] dia bahagikan kepada kawasan perumahan. Kawasan perumahan orang kusta, perumahan kakitangan, kawasan rawatan dan kawasan riadah. Kawasan riadah untuk—untuk aa—taman, untuk aktiviti main bola, padang bola dan juga ada kawasan untuk-- untuk hiburan eh panggung wayang, dia ada panggung

wayang, ada kelab, ada banyak kelab kelab eh. Kelab Ryrie, kelab Cina, kelab Tonghu, kelab Hokien. Kelab macam macam kelab. Jadi dengan adanya aktiviti ni [ini], aktiviti sosial lah kita panggil. Dorang [mereka] dapat, aa-- bersama la. Sebenarnya (batuk) idea ni [ini], idea—kita kata clubbing [kelab malam] la sekarang orang panggil night club [kelab malam] la apakan. Tapi dulu-- dulu [zaman dahulu] kelab tu [itu] bukan tujuan nak bersuka suka macam sekarang, dulu [dahulu] ni [ini] dia kelab tu [itu] untuk buat pancaragam, buat kumpulan tarian, buat kumpulan muzik, buat aa—kumpulan sukan, basketball [bola keranjang], kumpulan badminton. Dia—dia-- Doktor Ryrie idea Doktor Ryrie ni [ini], dia suruh pesakit melupakan kusta. Sebab kusta ni [ini] satu penyakit yang lambat sembuh. Jadi kalau pesakit ingat kusta hari hari dia tak [tidak] lalu makan, tak [tidak] boleh tido—

**SNZ: buang stress [tekanan] la ni [ini]?**

HS: takde [tiada] kawan. Jadi— dia murung. Sebab tu [itu] ramai yang bunuh diri zaman dulu. Sebab murung kan. Jadi bila [apabila] ada kelab kelab ni [ini] semua. Dorang [mereka] join. Dorang [mereka] join. Ada kelab Bahasa Inggeris pun ada. Kelab— Green-- Green kelab. Green kelab ni [ini] adalah untuk siapa yang boleh cakap Bahasa Inggeris masuk kelab tu [itu]. Jadi siapa yang tak [tidak] boleh Bahasa Inggeris tu [itu] minta map [maaf] la kan. Tu [itu] aje [sahaja] la. Minta maap [maaf] la. Tapi yang boleh Bahasa Inggeris silakan. Masuk Green kelab dan dorang [mereka] aa—suka cakap Bahasa Inggeris. Sebab--. Kelab-kelab Bahasa Inggeris. Dia ada kelab Bahasa Inggeris, dia ada masjid, dia ada ceramah macam kita la. Macam kita sekarang. Masjid kusta ada, untuk sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat. Termasuk kuil, dorang [mereka] ada kuil. Ada-- ada tokong Cina. Semua aktiviti penuh la. Sebab dia, Doktor Ryrie ni [ini] encourage [menggalakkan] pesakit untuk melibatkan diri. Aktif la, untuk aktif-- untuk aktif dalam semua bidang. Jadi takde [tiada] masa dia untuk memikirkan penyakit dia. Sebab pada masa tu [itu], boleh dikatakan, takde [tiada] ubat yang betul--betul boleh menyembuhkan kusta. Jadi inilah cara Doktor Ryrie yang, sehingga dia mendapat gelaran “The Saint of Sungai Buloh”.

**SNZ: 'The Saint of Sungai Buloh'??**

HS: 'The Saint of Sungai Buloh'. Dia wali-wali, wali keramat lah. Wali keramat Sungai Buloh. Sebab dia ni [ini] sangat disayangi oleh orang kusta kerana orang kusta merasakan dorang [mereka] ni [ini] di sanjungilah. Dorang [mereka] lebih happy [gembira] tinggal dalam kusta daripada tinggal di luar. Sebab di dalam kusta ni [ini], dalam PKKN ni [ini], (batuk) takde [tiada] prejudis, takde [tiada]-- takde [tiada]—aa-- perkauman. Orang Melayu makan sama ngan [dengan] Cina. Cina--. Ada restoran Cina pun orang Melayu masuk. Jadi--, macam adik beradik Antara Cina, India dan Melayu. Bila [apabila] berlakunya 13 May dulu, kita tahu dekat PKKN ni [ini] la kubur mangsa-mangsa tragedi di—di-- KL [Kuala Lumpur] tu [itu], yang dibunuh di KL [Kuala Lumpur] tu [itu] ditanam di Sungai Buloh. Tapi di dalam Sungai Buloh sendiri, takde [tiada] pun Cina yang bunuh orang Melayu, orang Melayu bunuh Cina. Takde [tiada]. Pada masa 13 May, takde [tiada] langsung dalam PKKN ni [ini] perkauman. Takde [tiada]. Sampai sekarang pun takde [tiada] perkauman. Bila [apabila] saya tanya tanya dorang [mereka] [pesakit kusta yang masih tinggal di PKKN], dorang [mereka] kata kita Melayu, Cina, India serupa [seperti] adik beradik. Inilah satu contoh yang masyrakat majmuk yang pertama di Malaysia adalah bermula di PKKN. Dia panggil apa muhibah ehh. Kempen kempen muhibah dulu [dahulu] eh. Penah [pernah] dulu [dahulu] kerajaan buat, kempen muhibah. Untuk menyatukan Melayu, India dan Cina

**SNZ: semua kaum?**

HS: semua kaum. Tapi model dia ialah, model yang pertama adalah di PKKN. Sehingga ada yang Melayu boleh kahwin Cina, kaum Cina boleh kahwin Melayu. Makan sekali semua sekali. Aa—yela tapi ada yang baik, ada yang tak [tidak] baik kan? Kita tengok kadang orang Melayu masuk tempak judi Cina, main judi dengan Cina. Ada orang Cina minum, orang Melayu pun turut minum pun ada an. Itu--. Tapi kita ada ni [ini] lah ustad-ustad [ustaz] yang datang bagi ceramah. Yang yang--. Satu kebanggaan lagi, dari segi-- dari segi ugama [agama] la.

Memang orang Inggeris bila [apabila] dia-—dia-- dia buat gereja-gereja dalam ni [ini] dan dia ada paderi-paderi yang mengajak orang Melayu masuk Kristian. Tapi takde [tiada] satu orang pun orang Melayu kusta yang masuk Kristian. Jadi kebanggaan kita lah. Memang (batuk) kebanyakkan doktor-doktor Inggeris dulu, dorang [mereka] ni [ini] preaching [berdakwah], dia— aa— apa ni [ini], suka aa— macam—macam-- macam paderi juga lah. Dorang [mereka] suka meng--mengkristian kan orang Malaysia kan.

**SNZ: mendakwah.**

HS: mendakwahkan. Kita tengok banyak orang India, orang Cina PKKN ni [ini] banyak masuk Kristian. Ada dua, ada dua--.

**SNZ: ada tak [tidak] yang masuk Islam?**

HS: ada dua gereja, gereja Kristian. Ada dua gereja di PKKN. Ini menunjukkan yang orang Cina banyak masuk Kristian, orang India banyak masuk Kristian, kerana dakwah orang putih dululah. Sebab doktor ni [ini] dia bawa masuk preacher [pendakwah], bawa masuk paderi. Dia tak [tidak] buat kerja tu [itu], tapi dia-- dia bawa masuk paderi untuk berdakwah kepada orang Cina, orang India termasuk orang Melayu. Tapi orang Melayu takde [tiada] pun yang masuk Kristian. Ini kebanggaan bagi kita lah. Okay [baiklah] lagi apa nak tanya?

**NSR: pakcik Hashim?**

HS: ye [ya].

**NSR: apakah nama sainstifik buah kusta?**

HS: nama ta-- nama sainstifik dia banyak. Tapi yang dipopular sekali digunakan di PKKN adalah, Hydnocarpus Anthelmintica [Anthelminticus]. Kita ada-- ada banyak jenis Hydnocarpus ni [ini] ada spesis dia ada banyak jenis, tapi yang paling digunakan disini adalah Hydnocarpus Anthelmintica [Anthelminticus] daripada Burma.

**SNZ: nama sainstifik untuk kusta?**

HS: penyakit kusta ni [ini] disebabkan oleh kuman, bakteria ini dipanggil microbacterium leprae [mycobacterium leprae]. Microbacterium leprae [mycobacterium leprae]. Kuman ni [ini] dijumpai oleh doktor di England dulu [dahulu] zaman dulu. Nama dia Doktor Hansen eh Hansen. Bukan bukan England eh, sorry [maaf] eh. Daripada Switzerland. Sebab tu [itu] dia panggil nama Hansen's disease.

**SNZ: untuk kusta ni [ini]?**

HS: Hansen. H-A-N-S-E-N. Hansen's disease. Hansen's disease ni [ini] adalah nama penyakit kusta ni [ini] tapi dorang [mereka] taknak [tidak mahu] gunakan nama Leprosy, Leprosy. Jadi dia gunakan Hansen's disease. Hansen ni [ini] adalah orang yang pertama menemui kuman kusta. Sebelum ni [ini] kuman kusta dia kata oleh disebabkan oleh aa—oleh kena sihir, kena buatan orang, kena ilmu orang, kena sampuk hantu ke apa kan. Jadi sebab bila [apabila] Hansen dah [sudah] jumpa kuman tu [itu], dia kata penyakit kusta ni [ini] disebabkan oleh kuman, bukan disebabkan oleh keturunan ke apa ke. Jadi sungguh pun begitu, macam saya kata tadi lah, kuman ni [ini] pun memilih orang kan untuk berjangkit. Bukan semua orang dia akan jangkit. Inilah yang jadi satu misteri lah sampai sekarang ni [ini]. Kenapa orang dijangkit oleh kuman? Kenapa orang lain tak [tidak] kena jangkit?

**NSR: rawatan bagaimana yang diberikan kepada mereka ye [ya]?**

HS: dia rawatan dia--. Okay [baiklah] bila [apabila] pesakit tu [itu] disahkan aa—ada kuman kusta pada dia, disahkan dah [sudah] dijangkiti oleh kusta. Pada masa sekarang ni [ini] dia pegi ke klinik – klinik kulit la. Klinik kulit. Klinik kulit ni [ini] akan bagi ubat MDT. Multiple Drug Therapy dan dia kena makan dalam masa 8 tahun eh. Sehingga penyakit ni [ini] sembuh. Aa-- sebelum ni [ini], sebelum tahun sembilan belas lapan puluh— lapan puluh dua. Sebelum 1982, siapa yang disahkan kena kusta kena masuk PKKN. Mesti kena tinggal di dalam

PKKN. Selepas tahun ’82 [1982] tak [tidak] payah lagi. Semua duduk diluar. Ini dipanggil kawalan, kawalan, kawalan kusta.

**SNZ: sebab dah [sudah] ada ubat tu [itu] lah dorang [mereka] dah [sudah] boleh duduk luar?**

HS: sebab tu [itu] PKKN di panggil Pusat Kawalan Kusta Negara pada 1982. 1983. Sebelumnya dipanggil, pu— hospital kusta. Hospital kusta je. Dia tak [tidak] kata PKKN eh. Bila [apabila] tahun ’82 [1982] selepas tahun ’82 [1982] diubah nama kepada Pusat Kawalan Kusta. Sebab kawalan lah, kawalan samada dalam pesakit yang dalam PKKN ataupun pesakit yang diuar PKKN pun masih dalam jagaan aa— apa— jagaan bahagian kawalan penyakit la. Pahtu [selepas itu]?

**NSR: bagaimana untuk mencegah ye [ya]? Ada vaksin ke?**

HS: kita— aa-- itu yang saya kata tadi daripada zaman tok nadok [zaman dahulu kala] dulu, sampai sekarang ni [ini] takde [tiada] vaksin. Kalau kita bandingkan dengan penyakit lain, macam TB [Tuberculosis] ada vaksin, polio [Poliomyelitis] ada vaksin. Penyakit – penyakit yang disebabkan oleh kuman, oleh bakteria, semua ada vaksin. Boleh dikatakan semua dah [sudah] ada vaksin. Tapi penyakit kusta ni [ini] tak [tidak] jumpa vaksin. Sampai sekarang ni [ini].

**NSR: sebab apa ye [ya]?**

HS: sebab kajian demi kajian demi kajian, tak [tidak] jumpa. Ni [ini] kena tanya pakar – pakar la. Sebab saya pakar kaki palsu sebenarnya. Tapi sebab saya berminat dengan kusta. Itu je. Kalau tanya pakar kusta dia akan jawablah. Sebab apa vaksin ni [ini] tak [tidak] jumpa sampai hari ini eh. Okay [baiklah].

**SNZ: bila [apabila] kuman tu [itu] dorang [mereka] kan masuk dalam badan, kuman tu [itu] akan makan sikit sikit sikit eh dorang [mereka] punya isi dalam?**

HS: dia masuk dalam darah, pastu [selepas itu] [selepas itu] dia akan menyerang saraf. Kuman ni [ini] dia, dia, dia, dia merosakkan saraf ni [ini] kalau dia pergi ke

mata, mata buta. Kalau dia pergi ke telinga, telinga jadi cacat la. Semua cacat la. Muka cacat. Telinga cacat. Tangan cacat. Kaki cacat. Kan. Nanti saya bagi gambar kita tengok an [kan] ada peringkat yang paling teruk kecacatan dia sampai kita tak [tidak] lalu tengok lah. Kerepot – kerepot badan dia. Sangat menyedihkan. Biasanya kalau kena mata, air mata dia keluar tak [tidak] renti – renti [berhenti – henti]. Mata dia akan buta.

**SNZ: tapi mereka semua jenis panjang umur eh?**

HS: panjang umur. Sampai 90 lebih. Sampai 100 tahun pun ada. Tapi satu— macam saya kata tadi lah, satu kebanggaan bagi PKKN lah. Sebab saya dah [sudah] buat kajian dan saya tanya pesakit – pesakit. Doktor Bhojwani dia pernah menukarkan mata pesakit kusta yang buta dua - dua belah dengan mata— apa dia panggil transplant [pemindahan] eh? Mata— mata orang accident [kemalangan] tu [itu]. Dia mungkin dia beli dari India kot mata tu [itu]. Dia masukkan dua – dua belah. Mula dia masukkan sebelah. Pastu [selepas itu] [selepas itu] dia boleh nampak. Dan lagi sebulan dua bulan dia akan masukkan lagi sebelah. Dan dua - dua belah boleh nampak balik. Ini satu kebanggaan bagi PKKN lah. Lagi pun tak [tidak] banyak orang tahu yang Doktor Bhojwani boleh buat operation [pembedahan] mata. Selain dia, dia-- dia doktor kusta tapi dia boleh buat bermacam – macam operation [pembedahan]. Potong kaki. Ramai orang yang takde [tiada] kaki dipotong dan dibagi kaki palsu di PKKN yang mana tugas ni [ini] diambil alih oleh saya lah. Daripada tahun ’93 [1993]. Seramai 500 orang yang PKKN ni [ini] yang takde [tiada] kaki. Ramai yang tak [tidak] ada kaki lah. Jadi sebabkan luka – luka pada kaki. Sebab kaki dorang [mereka], dah [sudah]— tak [tidak] rasa. Dia kuman kusta dah [sudah] makan saraf. Jadi kaki dorang [mereka] tak [tidak] rasa. Jadi bila [apabila] dorang [mereka] pijak batu, pijak apa luka kaki dia dan dia tak [tidak] sakit. Bila [apabila] tak [tidak] sakit luka tu pun tak [tidak] mau [mahu] baik. Sebab luka yang ada masalah saraf dia lambat baik.

**SNZ: tapi mereka masih boleh jalan lah?**

HS: (batuk) dia doktor akan di wad doktor akan akan balut balut luka tu [itu] kan. Tapi luka tu [itu] tak [tidak] mau [mahu] baik. Jadi akhirnya kena potong kaki, dan dorang [mereka] datang ke Unit Anggota Tiruan lah. Jadi kita supply [berikan] kan kaki palsu dekat dorang [mereka].

**SNZ: kaki palsu tu [itu] tahan berapa lama eh bila [apabila] dorang [mereka] pakai?**

HS: saya pernah jumpa tahan sehingga 40 tahun. Tapi kena selalu repair - repair [perbaiki] juga lah. Bila [apabila] ada rosak repair [perbaiki]. Tapi benda tu [itu] boleh tahan sehingga 40 tahun. Satu kebanggaan bagi PKKN juga sebab diluar sekarang pun paling lama dalam 4 tahun 5 tahun je. Paling lama 4, 5 tahun dia akan hancur pecah. Bukan rosak. Di PKKN boleh tahan 40 tahun.

**SNZ: kaki palsu ni [ini] diperbuat daripada apa?**

HS: itu yang jenis lama ni [ini], yang tahan lama ni [ini] sebab dibuat daripada kayu. Bukan kayu Malaysia la kayu dari England. Kayu ni [ini] memang tahan. Cuma berat la, berat sikit. Nak buat pun susah sikit. Sekarang ni [ini] dibuat oleh plastik. Dibuat dengan palstik, plastik ni [ini] boleh tahan 4, 5 tahun dia akan pecah sendiri. Dia akan crack [pecah]. Dia tak [tidak] tahan macam kayu. Kayu lebih tahan daripada palstik. Tapi cuma sekarang ni [ini] tak [tidak] ada orang buat dengan kayu la. Sebab nak buat dengan kayu susah, berat dan juga tak [tidak] berapa--. Kayu ni [ini] dia tak [tidak] dapat ikut shape [bentuk] yang *betul* – betul la. Shape [bentuk] kaki pesakit tu [itu]. Tapi ketahanan dia memang la. Ketahanan dia memang kuat. Sehingga 40 tahun boleh tahan. Lagi nak tanya apa? Rumusan dia? (pen jatuh).

**NSR: sepanjang Encik Hashim bertugas disini, apakah pengalaman yang Encik Hashim tidak dapat lupakan?**

HS: okay [baiklah]. Saya ada satu pengalaman yang saya tak [tidak] dapat lupakan sampai bila – bilalah. Dimana ada seorang pesakit kusta yang bertugas

dengan saya. Dia ni [ini] membantu kerja – kerja saya la. Membantu buat kaki palsu ni [ini]. Dia ni [ini] takde [tiada] sedara [saudara] mara yang selalu contact [hubungi] dengan dia kan. Sebenarnya dia dari Penang, dia ada adik dia di sana. Adik dia pun dah [sudah] close conctact [tidak berhubung] dengan dia. Pastu [selepas itu] [selepas itu] sedara [saudara] mara lain takde [tiada]. Dekat PKKN ni [ini] dia tak [tidak] ada kawan – kawan. Kalau ada pun kawan – kawan, dia suka bergaduh dengan kawan kawan, tapi dia sangat baik dengan saya. Jadi bila [apabila] dia kena disahkan kena kanser, dia dimasukkan ke HKL. Lepas tu HKL tolak dia pegi dekat hospital TB [Tuberculosis] sebab dia pun ada TB [Tuberculosis] juga. Dia di-- di--. Doktor pun confuse [keliru] masa tu [itu]. Dia kata--. Ada doktor kata lung cancer, kanser paru – paru, ada doktor kata TB [Tuberculosis]. Sebab dia ni [ini] batuk, batuk, batuk tak [tidak] henti – henti. Jadi bila [apabila] x-ray dalam lung [paru – paru] dia, paru - paru dia ada macam ketulkan. Pastu [selepas itu] [selepas tu] selepas HKL dia dimasukkan ke pusat TB Negara. Jadi bila [apabila] dia meninggal di pusat TB, dorang [mereka] hantar mayat dia ke HKL, ke bilik mayat HKL. Jadi yang saya tak [tidak] dapatkan lupakan tu [itu] sebab pihak – pihak bilik mayat disana talipon [telefon] PKKN suruh ambil mayat dia. Bila matren, matren dapat, dapat info [maklumat] tu [itu].

**SNZ: matren tu [itu] siapa ye [ya]?**

HS: matren tu [itu] ketua jururawat la.

**SNZ: ohh ketua jururawat.**

HS: ketua jururawat ni [ini] dia dibawah pengarah la. Pengarah, dibawah dia penyelia, penyelia jururawat la. Jadi penyelia jururawat ni [ini] yang ambik [ambil] incharge pesakit kan, jadi dia telipon [telefon] saya, 'Encik Hashim kena pegi ambik [ambil] mayat. Nama dia Ah Lee la. Lee, Lee Sai Kin. Aa-- bukan sorry [maaf]. Bukan Lee Sai Kin. Dia nama Mr. Lee. Mr. Lee bukan Lee Sai Kin. Mr. Lee saya dah [sudah] lupa la--.

**SNZ: dia lah yang tolong Encik Hashim buat kaki palsu ni [ini]?**

HS: dia tolong saya dan dia macam kawan la. Macam sedara [saudara], bukan nak kata sedara [saudara] la, macam kawan baik saya lah. Selalu minum sekali, buat kerja sekali. Jadi dia, bila [apabila] dia mati, di HKL (batuk) penyelia--, penyelia bilik mayat disana call [memanggil] PKKN dan dijawab oleh matren la, ketua jururawat. Jadi dia kata tunggu dulu, nanti saya cari siapa yang nak pergi ambil. Sekarang ni [ini] takde [tiada] orang yang nak pergi ambil mayat tu [itu]. Jadi, sepatutnya ada lah attendant ke siapa ke. Takde [tiada]! Jadi dia kata Encik Hashim. Encik Hashim kena pergi ambil. Sebab saya dah [sudah] cari semua taknak [tidak mahu]. Semua orang taknak [tidak mahu] ambil dia. Saya kata pasal [sebab] apa, pasal [sebab] masa dia hidup dulu, dia bergaduh dengan orang (gelak). Dia suka bergaduh dengan orang. Jadi kawan – kawan dia pun taknak [tidak mahu] pergi ambil, siapa pun taknak [tidak mahu] pergi ambil.

**SNZ: ahli keluarga pun taknak [tidak mahu]?**

HS: ahli keluarga dekat Penang. Jadi— saya sebab saya teringat kan dia baik dengan saya, saya pergi ambil. Bila [apabila] saya pergi dekat bilik mayat tu [itu], MA di situ tanya saya, 'apasal [sebab] you nak ambik [ambil]? You bukan Cina' dia kata 'you Melayu. Ini mati Cina. Apasal [sebab] you nak ambik [ambil]?' jadi saya kata 'takde [tiada] orang nak ambik [ambil]. Kalau tak [tidak] percaya you tanya PKKN balik. Dia yang suruh saya datang ambik [ambil] mayat.' Sampai dia talipon [telefon] 'eh takde [tiada] ke orang lain aa? Orang Cina datang ambik [ambil]. Ni [ini] mayat Cina ni [ini]. Encik Hashim bukan waris dia.' 'waris dia takde [tiada]' dia kata. Lepas tu takpelah [tidak mengapalah] dia kata. 'betul ke Encik Hashim ni [ini] PKKN?' 'ah betul' dia kata. Lepas tu [itu] dia minta IC saya. IC saya semua dia ambil rekod dan dia bagi ambulans PKKN ni [ini] dengan saya bawa balik mayat. Jadi bila [apabila] saya dah [sudah] bawa balik ke PKKN, ada pulak adik dia dari Penang tunggu dekat PKKN. Sebab aa— orang aa— orang apa ni [ini] kuil Cina. Kuil Cina pulak. Tokong Cina ada rekod sedara [saudara] dia nombor talipon [telefon] dia. Jadi dorang [mereka] call [memanggil] adik dia

dekat Penang suruh ambik [ambil] mayat abang dia. Padahal dah [sudah] berpuluh tahun dah [sudah] adik tu [itu] tak [tidak] tengok abang dia (gelak). Jadi dia pun berterima kasih dengan saya, dia kata Encik Hashim tolong ambik [ambil] mayat abang dia. Dia terima kasih dengan saya. Dia pun bawa balik mayat tu [itu] ke Penang untuk dibakarlah. Yang itu dia punya pasal [hal] la kan. Jadi ada lah juga jasa saya yang saya tak [tidak] boleh lupakan lah. Itu saja.

**SNZ: tapi dia takde [tiada] sakit kusta ke apa eh? Takde [tiada] eh?**

HS: saya? Saya?

**SNZ: tak [tidak]. Yang-- yang sakit tu [itu]. Yang meninggal tu [itu].**

HS: dia kusta la. Dia memang-- dorang [mereka] kusta lah yang meninggal tu [itu].

**SNZ: ohh dia sakit kusta? Kusta, TB, kanser semua sekali.**

HS: haa ye [ya].

**SNZ: aa— kan tahun depan Encik Hashim dah [sudah] nak pencen. Apa cadangan Encik Hashim lepas Encik Hashim nak pencen? Ada apa – apa?**

HS: saya-- bila [apabila] saya pencen saya nak start kan bisnes sendiri la. Saya nak buka syarikat pembekal kaki palsu, pembuat kaki palsu, dan kalau ada pesakit – pesakit yang memerlukan kaki palsu boleh berhubung dengan saya. Itu je [sahaja] la.

**SNZ: itu saja. Okay [baiklah] terima kasih Encik Hashim.**

HS: nak dekat sembahyang dah [sudah] 12.30 (PM)

**TEMUBUAL KETIGA**

***Rakaman Ketiga***

*(10 November 2017), jam 12.30 tengahari*

**SNZ: aa-- Encik Hashim pernah tak [tidak] makan buah kusta tu?**

HS: Okay [baiklah] pertanyaan ni [ini] macam pertanyaan cepu emas bagi saya la. Bonus. Soalan bonus ni [ini]. Okay [baiklah] jadi bila [apabila] saya kaji-kaji kat internet kan saya jumpa yang pertama makan buah kusta ni [ini] ialah raja burma kan, jadi saya dapat idea yang buah kusta ni [ini] boleh dimakan dia bukan beracun, jadi bila [apabila] saya search [cari] dekat aaa-- buah-buahan yang boleh dimakan. Buah-buahan hutan yang boleh dimakan di Asia, saya jumpe yang buah Hydnocarpus ni [ini] boleh dimakan dia takde [tiada] racun. Tapi so far [setakat ini] saya tak [tidak] penah dengar pun ade orang di PKKN ni [ini] yang berani makan buah kusta. Sementelahan orang luar ye [ya]. Jarang jumpa eh. Sementelahan eh. Sementelahan ni [ini] orang luar. Orang-- orang luar lagi lah tak [tidak] berani makan buah kusta. Orang PKKN pun tak [tidak] berani makan. Jadi saya memberanikan diri saya makan biji dia. Sihat! Takde [tiada] ape-ape [apa-apa]. Saya makan buah dia, dia punya isi buah dia, aa-- pagi tadi pun saya makan. Sampai sekarang saya tak [tidak] mati enn. Jadi, okay [baiklah] nak tanya kalau rasa dia biji benih dia tu [itu], dalam dia tu [itu] rasa dia macam kelapa kering. Isi kelapa kering. Dia berbau lah macam isi kelapa kering tu [itu]. Okay [baiklah] yang luar dia, isi luar dia tu [itu], rasa dia macam ubi kayu yang direbus.

**SNZ: Manis la rasa dia?**

HS: Macam ubi kayu yang direbus! Sama macam ubi kayu yang direbus. Sebab tu [itu] di Thailand orang-orang kampung buat kuih buah ni [ini]. Bukan semua yang tahu la khasiat buat ni [ini] untuk buat ramuan buat kuih kan. Tapi saya banyaklah, saya kaji tentang buah kusta ni [ini]. Di India, ada doktor di India dia taknak [tidak mahu] guna ubat moden untuk penyakit kusta. Sampai sekarang

dia gunakan buah kusta juga. Kelebihan dia, dia kata pesakit tak [tidak] relapse. Pesakit yang sembuh dengan buah kusta ni [ini], dia tak [tidak] kena balik. Kalau pesakit yang sembuh dengan MDT, ubat moden, dia boleh kena balik. Ini pendapat doktor dari England lah. Eh dari India eyy.

**SNZ: Malaysia tak [tidak] buatlah? Dorang [mereka] [mereka] tak [tidak]...**

HS: Malaysia taknak [tidak mahu] dengar doktor dari India, dia nak dengar doktor dari England. Aa-- itu ye [ya], aa-- ni [ini] bagus la ini soalan yang sangat bagus. Okay [baiklah] terima kasih.

# LOG TEMUBUAL

## LOG TEMUBUAL

| MASA | TAJUK | PERKARA |
|---|---|---|
| ***Rakaman Pertama*** | | |
| 00:01 | Asal usul penyakit kusta | • Punca daripada kuman<br>• Mycobacterium Leprae<br>• Boleh berjangkit jika mempunyai pertahanan diri yang lemah<br>• Serang saraf badan<br>• Anggota badan tidak rasa apa-apa, seolah lumpuh<br>• Penyakit sepanjang hayat<br>• Lambat mati<br>• Penyakit seluruh dunia, India Cina |
| 07:55 | Sejarah kusta di Malaysia | • Disebabkan British bawa masuk India dan Cina<br>• Pendatang dari Indian dan Cina yang bekerja dikawasan yang dijangkiti kuman kusta<br>• Mereka di tempatkan di Pulau-pulau seperti Pulau Jerejak, Pulau Ketam dan Pulau Pangkor<br>• Apabila PKKN dibuka, mereka semua berpindah kesitu<br>• Jepun turut ke PKKN<br>• Jumlah di PKKN hampir 3000<br>• Staff di PKKN turut dijangkiti kusta |

| MASA | TAJUK | PERKARA |
|---|---|---|
| 11:37 | Asal usul ubat kusta | • Ubat pertama penyakit kusta ialah Hynocarpus, sejenis buah<br>• Popular di India<br>• Pokoknya tumbuh banyak di Burma, India, Thailand dan Vietnam<br>• Di Malaysia hanya ada di PKKN sahaja<br>• Buah kusta ini adalah ubat tradisional<br>• Ubat moden dicipta iaitu dapsone<br>• Pesakit perlu makan ubat ini selama 8 tahun untuk sembuh<br>• Digabungkan dengan MDT, Multiple Drug Theraphy |
| 26:25 | Sejarah PKKN, Kehidupan PKKN ketika masa dahulu | • Alexander Goldon Ryrie merupakan pengarah pertama di PKKN<br>• Sekolah Harapan, Sekolah Kusta<br>• Wad-wad kusta<br>• Komuniti penghuni kusta |
| ***Rakaman Kedua*** | | • Butiran diri<br>• Keluarga<br>• Pelajaran<br>• Pekerjaan |
| 00:10 | Latar belakang Encik Hashim | |
| 02:32 | Sejarah PKKN | • Kedudukan PKKN di Sungai Buloh<br>• Mengkaji sejarah PKKN dan membuat Facebook mengenai sejarah PKKN<br>• Menceritakan sejarah ringkas mengenai PKKN<br>• Perjumpaan ubat Depson dan Multiple Drug Therapy (MDT) |

| MASA | TAJUK | PERKARA |
|---|---|---|
| 13:25 | Asal usul kusta pada zaman dahulu | • Penemuan kusta 4000 tahun dahulu<br>• Penemuan ubat kusta pada 2000 tahun dahulu<br>• Menceritakan mengenai raja Burma yang pertama menjumpai ubat kusta pada zaman dahulu<br>• Penjumpaan buah Hydnocarpus<br>• Kegunaan buah kusta<br>• Cerita mengenai pesakit kusta yang masih di PKKN |
| 22:10 | Petanda sakit kusta | • Petanda – petanda sakit kusta<br>• Penerangan teori *closed contact* penyakit kusta dikalangan ahli keluarga<br>• Cerita mengenai duit kusta<br>• Penerangan bagaimana kuman kusta boleh berjangkit kepada manusia<br>• Sejarah mengenai tandas tarik dan sistem kumbahan yang pertama di Asia pada tahun 1926 di PKKN<br>• Sebab Encik Hashim meminati sejarah kusta<br>• Menceritakan pencapaian Encik Hashim dalam bidang kaki palsu yang mengambil contoh dari teknik TCC |

| MASA | TAJUK | PERKARA |
|---|---|---|
| 34:08 | Aktiviti-aktiviti di pekampungan kusta pada zaman dahulu | • Sejarah perancangan perkampungan kusta<br>• Menceritakan aktiviti-aktiviti yang terdapat di PKKN pada masa dahulu<br>• Penerangan mengenai *'The Saint of Sungai Buloh'*<br>• Menceritakan masyarakat majmuk yang harmoni di PKKN |
| 41:22 | Sejarah dan penemuan kuman kusta | • Penceritaan nama sainstifik buah kusta dan kusta<br>• Penemuan dan rawatan penyakit kusta<br>• Cara mencegah dan vaksin kusta<br>• Penerangan pembiakan kuman kusta didalam badan pesakit<br>• Penerangan kaki palsu untuk pesakit kusta<br>• Pembuatan kaki palsu untuk pesakit kusta |
| 50:49 | Pengalaman dan perancangan Encik Hashim untuk masa hadapan | • Menceritakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan<br>• Menceritakan cadangan Encik Hashim pada masa hadapan selepas tamat pekerjaan. |
| 56:56 | Tamat | • Mengucapkan terima kasih kepada Encik Hashim |
| ***Rakaman Ketiga*** | | • Menanyakan kepada Encik Hashim samada beliau pernah memakan buah kusta itu<br>• Kegunaan dan khasiat biji kusta |
| 00:02 | Makan buah kusta | |

# RALAT

## RALAT

Ralat boleh didefinisikan sebagai kesalahan, kekeliruan atau gangguan. Sepanjang menjalankan temubual bersama tokoh, terdapat beberapa ralat bunyi yang muncul daripada persekitaran di tempat temubual, antaranya ialah :

1. Batuk
2. Bunyi Kipas
3. Bunyi Motosikal
4. Bunyi Pen Jatuh
5. Bunyi Siren Kereta Ambulan
6. Bunyi Telefon
7. Menunjukkan gambar melalui telefon pintar

# SENARAI SOALAN

## SENARAI SOALAN

### *Rakaman Pertama*

1. Dia memang boleh berjangkit senang je [sahaja] ke dengan orang?
2. Yang kami pergi tadi tu [itu] lah eh [ya]?
3. *Staff* [kakitangan] pun sakit juga terkena juga?
4. Itu cara makan dulu lah?
5. H1N1?
6. Dia besar mana buah tu [itu]?
7. Pengarah apa?
8. Dorang ni [ini] semua pesakit kusta lah ya?
9. Ha bini dia ke semua tu?
10. Itu pesakit nya ke apa?
11. Kat [Dekat] sini?
12. Macam mana spell [eja] nya?
13. Yang haritu, yang Encik hashim kata yang anak nya eh [ya] yang datang?
14. Satu sekolah tu sakit kusta lah makna nya?
15. Itu makna nya taman dorang [mereka] lah, dorang [mereka] duduk kat [dekat] situ?
16. Tak [tidak], tak [tidak] jumpa?
17. Takda [Tiada]?
18. Lepastu [Selepas itu] kalau dorang [mereka] beranak tu [itu], anak dorang [mereka] tu [itu] jangkit kusta ke tak [tidak]?

19. Dr Ryrie. R.Y.R. I.E?

20. *First* [Pertama] sekali?

***Rakaman Kedua***

1. Apakah nama penuh Encik Hashim?
2. Berapakah umur Encik Hashim?
3. Bilakah Encik Hashim dilahirkan?
4. Bilakah Encik Hashim dilahirkan?
5. Encik Hashim berasal dari mana?
6. Siapakah nama isteri Encik Hashim?
7. Berapakah anak Encik Hashim?
8. Boleh Encik Hashim cerita sikit mengenai keluarga Encik Hashim?
9. Dimanakah Encik Hashim melanjutkan pelajaran?
10. Berapa lamakah Encik Hashim bertugas di PKKN?
11. Sebelum ini Encik Hashim pernah bekerja di mana?
12. Boleh tak Encik Hashim cerita sikit mengenai sejarah PKKN ini?
13. Berapa lama pesakit kena makan ubat Multiple Drug Therapy (MDT)?
14. Sebelum mereka jumpa ubat moden, ubat apa orang zaman dahulu makan?
15. Berapa ramai lagi pesakit yang ada dekat PKKN?
16. Semua pesakit sudah 100% sihat ke atau pun masih sakit lagi?
17. Kenapa mereka tidak mahu keluar dari PKKN ni walaupun mereka sudah sihat?

18. Encik Hashim, apakah petanda sakit kusta ini?
19. Kalau kulit bersentuhan dengan orang kusta, orang itu boleh kena sakit kusta ke?
20. Boleh tak saya nak tahu zaman dulu, aktiviti apa yang mereka selalu buat di perkampungan kusta?
21. Apakah nama sainstifik buah kusta?
22. Apakah nama sainstifik untuk kusta?
23. Rawatan bagaimana yang diberikan kepada pesakit kusta?
24. Bagaimana untuk mencegah ya? Ada vaksin ke?
25. Apabila kuman itu masuk dalam badan, kuman tu akan makan sikit - sikit ke mereka punya isi dalam badan?
26. Tapi mereka semua jenis panjang umur ke?
27. Kaki palsu tu tahan berapa lama eh bila mereka pakai?
28. Kaki palsu ini diperbuat daripada apa?
29. Sepanjang Encik Hashim bertugas disini, apakah pengalaman yang Encik Hashim tidak dapat lupakan?
30. Tahun depan Encik Hashim sudah nak pencen. Apa cadangan Encik Hashim lepas Encik Hashim nak pencen?

***Rakaman Ketiga***

1. Encik Hashim pernah tak makan buah kusta tu?
2. Manis la rasa dia?

# GLOSARI

## GLOSARI

| | |
|---|---|
| A | |
| Amoi | Perempuan berbangsa cina |
| B | |
| Beranak | Melahirkan anak |
| Bini | Isteri |
| C | |
| Claw hand | Tangan yang mencengkam |
| F | |
| Fisio | Terapi atau penjagaan |
| H | |
| Hang | Kamu |
| | |
| K | |
| Kuarantin | Pengasingan |
| Kugiran | Pancaragam moden yang memainkan lagu-lagu rancak |
| M | |
| Mampus | Mati |
| Mangkat | Meninggal dunia |
| Matren | Ketua jururawat |
| S | |
| Sister | Panggilan jururawat |
| T | |
| Taruk | Letak |
| Tendon | Sejenis urat yang menghubungkan otot ke tulang |
| Tugu | Bangunan, biasanya menjulang, besar, atau tinggi yang terbuat dari batu, batu bata, atau bahan tahan rusak lainnya yang berfungsi sebagai tanda suatu tempat, peristiwa sejarah, atau orang yang terkait dengan tempat tugu berada |
| U | |
| Uzur | Sakit atau lemah |

# INDEKS

INDEKS

*A*

Afrika 16
Alexander Gordon Ryrie 22
Antibiotik 12, 17, 18
Antibodi 13, 19, 38, 44
Artifak 14
Ayahanda 20, 21

*B*

Bakteria 12, 19, 38, 52, 53
Bius 13
British 15, 16
Buah kusta 12, 17, 20, 40, 51, 59, 60
Burma 17, 19, 20, 21, 39, 40, 51, 59

*C*

China 40, 44

*D*

Dapsone 17, 18, 37, 38, 40, 41
Daun ganja 17, 40
Dr. Hansen 13, 52
Dr. Molesworth 25, 28, 35, 40
Dr. Reddy 24, 36
Dr. Ryrie 31, 32, 35
Dr. Bhojwani 36, 37, 54
Dr. Thambi Raja 37

*E*

England 25, 31, 35, 36, 41, 48, 52, 55, 60

*F*

Fisio 13, 30

*H*

Hansen's disease 52
Herba cina 17, 40
Hikayat 19, 20, 39
Hynocarpus 17, 19, 40, 41, 51, 59

*I*

India 15, 16, 17, 24, 25, 36, 40, 50, 51, 54, 59, 60

*J*

Jepun 16, 35

***K***

Kristian 51
Kuman 12, 14, 16, 18, 37, 41, 42, 43, 44, 45, 52, 53, 54

***M***

Malaysia 15, 16, 17, 19, 21, 27, 34, 36, 37, 40, 45, 46, 50, 51, 55, 60
Mangkat 21
Multiple Drug Therapy 12, 18, 19, 37, 52
Mycobacterium leprae 12, 14, 52

***N***

Nabi Ayob 15
Nabi Isa 15, 39

***O***

Orang rohingya 16

***P***

Pengakap 29, 30
Polio 19, 53
Pulau 15, 16
Pulau Jerejak 16
Pulau Ketam 16
Pulau Pangkor 16

***R***

Raja 19, 21, 39, 40, 59

***S***

Sekolah harapan 23, 25, 29
Sekolah kusta 22, 23
Selatan cina 17
Sungai Buloh 13, 33, 35, 48, 49, 50
Switzerland 52

***T***

Tampoi 16, 27
TB 19, 39, 49, 53, 56, 58
Thailand 17, 40, 59
Travers school 29
Tuanku 20

# DIARI PENYELIDIKAN

## DIARI PENYELIDIKAN

| TARIKH | LOKASI | MASA | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 11/9/2017 | Taman Lembah Bujang | 2.31 PM | Dr Azree menerangkan tentang projek IMR604 Oral Documentation. |
| 18/9/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Kelas pertama dimana Dr Azree meminta untuk memilih tokoh yang sesuai untuk subjek IMR604 iaitu Oral Documentation. |
| 18/9/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Kami telah membentuk kumpulan iaitu saya Siti Nur Zahrah bt Rajab dan Noorshafiera bt Ramli |
| 18/9/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Semasa perbincangan dilakukan, kami telah memilih tiga pilihan atau calon iaitu<br>"Mahani Mohamed" (Timbalan Polis Langkawi)<br>"Datuk Wan Mohammad Sani Salleh"<br>"Pak Saad"<br>"Tan Ean Nee" |
| 25/9/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Kami telah mengambil keputusan untuk bertukar "Encik Hashim" sebagai tokoh untuk ditemubual. |
| 1/10/2017 | Taman Lembah Bujang | 8PM | Kami telah menyiapkan laporan tentang sedikit latar belakang Encik Hashim untuk disenarai semak oleh pensyarah kami iaitu Dr Azree Ahmad. |
| 2/10/2017 | MK5 | 11AM | Kami memberikan kepada pensyarah kami tentang sedikit latar belakang tokoh kami untuk disemak oleh beliau. |
| 2/10/2017 | MK5 | 12AM | Kami mencari maklumat tentang Encik Hashim untuk memudahkan kami menghubungi beliau untuk ditemubual. |

| TARIKH | LOKASI | MASA | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 3/10/2017 | Taman Lembah Bujang | 10.56 AM | Menghubungi dan memperkenalkan diri kepada Encik Hashim melalui Facebook Messenger |
| 9/10/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Dr Azree memberitahu untuk mengisi borang tapisan keselamatan sebelum berjumpa dengan tokoh |
| 10/10/2017 | Taman Lembah Bujang | 5.22 PM | Menanyakan kepada Encik Hashim kebenaran untuk ditemubual melalui Facebook Messenger. |
| 10/10/2017 | Taman Lembah Bujang | 6.49 PM | Encik Hashim telah bersetuju untuk ditemubual dan beliau minta diberitahu bila ingin bertemu dengannya. |
| 12/10/2017 | Selangor | 10.25 PM | Memperingati Encik Hashim mengenai temubual pertama pada 13/10/2017 melalui Facebook Messenger |
| 13/10/2017 | PKKN Sungai Buloh | 11AM – 1PM | Temubual pertama bersama Encik Hashim di PKKN Sungai Buloh |
| 23/10/2017 | MK5 | 11AM – 1PM | Dr Azree menanyakan tentang perkembangan projek temubual bersama tokoh. |
| 30/10/2017 | MK5 | 12PM | Kami berjumpa pensyarah kami untuk memaklumkan berkenaan tokoh pilihan kami dan pensyarah kami meminta kami untuk kami melakukan tapisan keselamatan. |
| 3/11/2017 | Taman Lembah Bujang | 3PM | Kami telah menelefon Encik Hashim untuk menetapkan tarikh temubual kedua kami iaitu 10/11/2017 |

| TARIKH | LOKASI | MASA | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 6/11/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Dr Azree menanyakan tentang perkembangan projek temubual bersama tokoh dan kami meminta tandatangan pensayarah kami untuk kami melakukan tapisan keselamatan. |
| 7/11/2017 | Pejabat Polis Bantuan UiTM Kedah | 11AM | Kami pergi ke Pejabat Polis Bantuan UiTM kedah untuk membuat tapisan keselamatan |
| 8/11/2017 | Pejabat Polis Bantuan UiTM Kedah | 2.30PM | Kami pergi ke Pejabat Polis Bantuan UiTM kedah untuk mengambil tapisan keselamatan dan pihak polis bantuan membenarkan kami untuk terus melakukan temubual bersama tokoh kami. |
| 10/11/2017 | PKKN Sungai Buloh | 11AM – 12.30PM | Kami telah mengadakan perjumpaan kedua bersama tokoh kami untuk mendapatkan lagi maklumat tentang sejrah kusta di PKKN di tempat kerja Encik Hashim. |
| 13/11/2017 | MK5 | 10AM- 1PM | Dr Azree menanyakan tentang perkembangan projek temubual bersama tokoh dan kami memberitahu hasil temubual kami kepada pensyarah kami. |
| 9/11/2017 | Taman Lembah Bujang | 9PM | Proses menulis transkrip telah dilakukan. Segala butir temubual dicatatkan mengikut format yang ditetapkan. |
| 20/11/2017 | MK5 | 10AM- 1PM | Dr Azree menanyakan tentang perkembangan projek temubual bersama tokoh. |
| 24/11/2017 | Taman Lembah Bujang | 8PM – 11PM | Proses menulis transkrip telah dilakukan. Segala butir temubual dicatatkan mengikut format yang ditetapkan. |

| TARIKH | LOKASI | MASA | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 27/11/2017 | MK5 | 11AM – 1PM | Dr Azree menanyakan tentang perkembangan projek temubual bersama tokoh. |
| 1/12/2017 | Taman Lembah Bujang | 9PM – 11PM | Proses menulis transkrip telah dilakukan. Segala butir temubual dicatatkan mengikut format yang ditetapkan. |
| 4/12/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Dr Azree menanyakan tentang perkembangan projek temubual bersama tokoh dan memberitahu tentang tugasan 10% iaitu membuat artikel tentang temubual bersama tokoh. |
| 11/12/2017 | MK5 | 10AM – 1PM | Dr Azree meminta kami untuk membuat pembahagian tajuk-tajuk untuk menyempurnakan artikel dan menunjukkan progres transkrip temubual. |
| 8/12/2017 | Taman Lembah Bujang | 2PM – 6PM | Proses menulis artikel telah dilakukan. Segala butiran penting dimasukkan bagi menyempurnakan artikel. |
| 18/12/2017 | MK5 | 11AM – 1PM | Dr Azree menanyakan tentang perkembangan projek temubual bersama tokoh dan tugasan membuat artikel. Kami telah menghantar artikel kepada Dr Azree untuk disemak. |

# KESIMPULAN

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, tujuan temubual ini adalah untuk mengetahui tentang sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh. Temubual ini juga dapat serba sedikit membantu dalam melengkapkan tugasan kami, Projek Sejarah Lisan (Oral History) tentang sejarah kusta di PKKN. Seperti yang kita tahu, atau pun ada yang tidak tahu bahawa penyakit kusta ini adala salah satu penyakit kulit yang berpunca dari bakteria atau kuman yang boleh berjangkit. Temubual ini memberi penjelasan dan pencerahan tentang asal usul penyakit kusta dan sejarah kusta di PKKN iaitu di Sungai Buloh, Selangor. PKKN atau dikenali sebagai Pusat Kawalan Kusta Negara merupakan tempat yang telah ditubuhkan sejak tahun 1926 bagi menempatkan pesakit-pesakit kusta yang jumlah nya agak tinggi. Di samping itu, ketokohan Encik Hashim bin Shib yang sangat terkenal di PKKN dan juga merupakan salah seorang yang bertugas disana sebagai juruteknik Prostetik (Kaki Palsu) sehingga kini sejak tahun 1993 dan juga merupakan seorang yang sangat meminati sejarah kusta dan turut mempunyai pengalaman tersendiri di PKKN suatu ketika dahulu telah menarik minat kami untuk memilih tajuk ini sebagai kajian sejarah lisan kami. Oleh itu, kami berharap supaya kajian ini dapat membantu sesiapa di luar sana yang ingin mencari dan mengetahui mengenai tentang sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh.

# RUJUKAN

## RUJUKAN

Bernama. (n.d). *Lembah Harapan sinar baharu pesakit kusta*. Kosmo Online. Retrived from http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0220&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm

Pengenalan dan Sejarah PKKN. (2018). *Hospital Sungai Buloh*. Retrieved from http://hsgbuloh.moh.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=80:pusat-kawalan-kusta-negara-pkkn&catid=35:perkhidmatan-sokongan&Itemid=478&lang=en

Tan Ean Nee. (n.d). *Leprosy in malaysia*. The Way Home. Retrieved from http://www.thewayhome.my/Leprosy.html

Pusat Kawalan Kusta Negara. (2016, Mei 24). *Jabatan Warisan Negara*. Retrieved from http://www.heritage.gov.my/ms/konservasi/konservasi-tapak-warisan/pusat-kawalan-kusta-negara

Hafiz Zainuddin. (2014, April 22). *Kusta dan sungai buloh: sejarah yang dilupakan.* RoketKini. Retrieved from https://www.roketkini.com/2014/04/22/kusta-dan-sungai-buloh/

Hashim Shuib. (2017, November 10). *Temubual bersama Hashim Shuib tentang sejarah kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh* [Interview]

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN

*Tapisan Keselamatan*

Borang PPL HEA 1/2014

### BORANG PENGESAHAN PENCERAMAH LUAR

1. Sila isi borang dan dapatkan pengesahan daripada Bahagian Polis Bantuan UiTM Cawangan Kedah.
2. Sila lampirkan borang ini bersama borang C (Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar) (TAPA).
3. Sila lampirkan Profil / CV Penceramah Luar

A. Maklumat Aktiviti

Nama Aktiviti : TEMUBUAL IMR 604

Anjuran : KIM24450

Tarikh Aktiviti : 10/11/2017

Tempat Aktiviti: PUSAT KAWALAN KUSTA NEGARA (PKKN)

B. Maklumat Penceramah Luar

Nama Penuh : ENCIK HASHIM SHUIB

Organisasi : PUSAT KAWALAN KUSTA NEGARA (PKKN)

Jawatan : JURUTEKNIK PERUBATAN

Tajuk Ceramah : TEMUBUAL IMR604 (SEJARAH KUSTA)

C. Maklumat Penganjur

1. Nama Pelajar : NOORSHAPIERA BT RAMLI
2. No. Telefon : 0167990786
3. Tandatangan :

1. Nama Penasihat Aktiviti : DR AZREE BIN AHMAD
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA UiTM Kedah
08400 Merbok
2. No. Telefon :
3. Tandatangan :

6/11

### Pengesahan Polis Bantuan, UiTM Cawangan Kedah

Adalah dengan ini disahkan bahawa penceramah di atas *dibenarkan/tidak dibenarkan menyampaikan ceramah sebagaimana di atas.

Tandatangan Ketua Bahagian :

Cop Jawatan :

Tarikh :

Catatan (jika ada) :

Cop
Tarikh
Terima

PEJABAT POLIS BANTUAN
UiTM Caw. Kedah

*Perjanjian*

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara/temubual yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ....En. Hashim Bin Shuib....
Pada ....10 November 2017....

1. Pita rakaman hasil wawancara/temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (Interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:-

   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dan lain-lain, sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ........................ oleh kedua pihak yang berkenaan.

..................................

*Pengkisah (Interviewee)*

..................................

*Ketua Pusat Pengajian*
*Fakulti Pengurusan Maklumat*
*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah*

Nama Pengkisah : Encik Hashim bin Shuib
Nama Penemubual : 1. Siti Nur Zahrah bt Rajab
2. Noorshafiera bt Ramli
Tarikh Temubual : Oktober 13, 2017 & November 10 2017
Nama Rakaman : Tembual Bersama Encik Hashim bin Shuib mengenai Sejarah Kusta di PKKN







Perbualan memperkenalkan diri kepada Encik Hashim dan meminta kebenaran dengan beliau untuk ditemubual di *Facebook Massenger*




Found: The Earliest Known Leprosy Patient

By Eliza Strickland | May 27, 2009 10 37 am

7

The disease of leprosy has been eating away at humankind for the past 4,000 years, according to a newly discovered skeleton that showed signs of the ailment. Researchers say that the ancient leper provides clues to how the disease spread through the human population. The skeleton was found at

Laman web yang menunjukkan kewujudan awal penyakit kusta

***Gambar-gambar***




Temubual pertama dijalankan di tempat Encik Hashim bekerja di Unit Anggota Tiruan di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh



Temubual kedua, bersama Encik Hashim bin Shuib di PKKN, Sungai Buloh




Pokok kusta




Buah kusta



Encik Hashim mengetuk biji buah kusta





Gambar yang menunjukkan Encik Hashim makan biji buah kusta tersebut.



Wad lama pesakit kusta di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh





Wad baru yang menempatkan pesakit-pesakit kusta sehingga kini



Dahulu - Pejabat MALRA (Malaysia Leprosy Relief Association), bangunan ini adalah sekolah untuk kanak-kanak kusta seluruh Malaysia yang dipanggil Sekolah Travers – *Gambar oleh Encik Hashim*



Kini - Pejabat MALRA (Malaysia Leprosy Relief Association) – Satu masa dahulu bangunan ini adalah sekolah untuk kanak-kanak kusta seluruh Malaysia yang dipanggil Sekolah Travers






Chalet / Rumah di Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh





Gambar dari atas kawasan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh



Gambar dari atas kawasan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN), Sungai Buloh






Kebun bunga / Taman bunga yang terdapat di PKKN



Antara salah seorang pesakit kusta yang menunggang basikal bersiar-siar di kawasan PKKN




Antara pesakit kusta juga yang sehingga kini masih di wad PKKN



Kemeriahan pesakit kusta di PKKN pada tahun 1960an – *Gambar oleh Encik Hashim*



Pakar penyelidikan kusta di PKKN pada tahun 1949 – 1975,
diketuai oleh Dr Waters (3 dari kiri) – *Gambar oleh Encik Hashim*